


Jilid I
Bil. 39



Hari Selasa
18hb Disember, 1979

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3821]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1980 [Ruangan 3845]

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TUN DATO' HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, S.S.M., P.M.N., S.P.M.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- ” Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- ” Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Sabah).
- ” Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- ” JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- ” TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- ” TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- ” TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- ” TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.P. (Dilantik).
- ” DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J., J.P. (Johor).
- ” DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- ” TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- ” DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- ” DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- ” DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- ” TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- ” DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- ” PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).
- ” TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- ” PUAN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).
- ” TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- ” DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- ” TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- ” DATO HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHEAL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' PHUA CHENG LEONG, J.P. (Pahang).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- „ DATO SULAIMAN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ PUAN HAJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., SB. ST. J., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAU TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 18hb Disember, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**JAWATANKUASA PEMANDU UNIT
PENYERTAAN BUMIPUTRA DI
PULAU PINANG**

1. **Datuk Syed Hassan Aidid** minta Perdana Menteri menyatakan nama Ahli-ahli Jawatankuasa Pemandu Unit Penyertaan Bumiputra di Pulau Pinang dan berapa kali-kah jawatankuasa ini telah bermesyuarat dalam tahun ini dan nyatakan:

- (a) jumlah dan jenis-jenis perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh unit ini dalam tahun ini; dan
- (b) setakat manakah kejayaan yang telah dicapai oleh unit ini bagi faedah kaum Bumiputra di Pulau Pinang.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu, Ahli-ahli Jawatankuasa Pemandu terdiri daripada berikut:

- (1) Y.B. Dato' Mohd. Saffian bin Haji Abdul Majid, Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur—*Pengerusi*.
- (2) Y.B. Tuan Syed Zainal Abidin Jamalullail, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang—*Pengerusi Bersama*.
- (3) Y.B. Datuk Sallehuddin bin Mohamed, Timbalan Ketua Setiausaha, Perbendaharaan Malaysia, Kuala Lumpur.
- (4) Y.B. Datuk Haji Basir bin Ismail, Pengarah Kerja, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor.

- (5) Encik Abu Hanifah bin Long, Pengarah, Unit Penyertaan Bumiputra, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kuala Lumpur.
- (6) Tuan Haji Rasli bin Haji Nawi, Ketua Pengarah MARA, Kuala Lumpur.
- (7) Encik Mohd. Zuhuri bin Salleh, Pengarah, Unit Perancang Ekonomi Negeri, Pulau Pinang.
- (8) Encik Moktar bin Abas, Pegawai Kemajuan Negeri, Pulau Pinang.
- (9) Tuan Haji Mohd. Nawawi bin Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Perusahaan Awam, Kuala Lumpur.
- (10) Encik Mohd. Zain bin Haji Abdul Majid, Pengerusi, Perbadanan Pembangunan Bandar, Kuala Lumpur.
- (11) Encik Jamaluddin bin Mohamed, Malaysian Building Society Berhad, Kuala Lumpur.
- (12) Y.B. Datuk Abdul Rahman bin Yusoff, Ketua Pengarah MIDA, Kuala Lumpur.
- (13) Encik Wan Abdul Ghani bin Wan Ahmad, Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Kuala Lumpur.
- (14) Encik Mohd. Ali bin Abdul Rahman, Wakil Bank Negara Malaysia, Pulau Pinang.
- (15) Encik Mohd. Hanafiah bin Omar, Pengarah, Unit Penyelarasan Penyertaan Bumiputra, Jabatan Ketua Menteri Pulau Pinang—*Setiausaha*.

Sejak penubuhannya hingga sekarang, Jawatankuasa Pemandu telah mengadakan 17 mesyuarat dan dalam tahun ini sebanyak 5 kali telah diadakan.

- (a) Jumlah yang telah dibelanjakan terdiri dari peruntukan mengurus sebanyak \$339,750.00 bagi tahun 1979.
- (b) Kejayaan yang dicapai oleh Unit ini bagi faedah kaum Bumiputra di Pulau Pinang adalah terhad kepada bantuan-bantuan mendapatkan pinjaman daripada institusi-institusi kewangan, bantuan-bantuan mendapatkan lesen/permit/agensi/franchise/kontrak daripada badan-badan Kerajaan, separuh Kerajaan dan swasta serta juga menyelesaikan masalah-masalah tertentu yang

dihadapi oleh pengusaha-pengusaha Bumiputra dengan menggunakan pengaruh dan tekanan berasaskan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Selain daripada itu Jawatankuasa ini telah juga dapat mengesan peluang-peluang perusahaan serta kumpulan-kumpulan Bumiputra untuk menjalankan perusahaan-perusahaan tersebut dan telah memajukan kumpulan-kumpulan ini. Bidang-bidang perusahaan yang telah dikesan termasuk bidang pembangunan tanah, pelancungan, pengangkutan serta pelbagai perusahaan pembuatan.

Setakat ini 2 projek perumahan serta 173 buah gerai-gerai penjaja kecil luar-bandar di 7 kawasan telahpun siap dibina.

Sementara itu pula 25 projek perumahan, 51 projek pembangunan tanah perseorangan, 11 projek perdagangan, 38 projek perusahaan perseorangan dan syarikat, serta juga pembinaan gerai-gerai perniagaan kecil di 15 kawasan dan beberapa projek pembangunan lain di seluruh Pulau Pinang sedang dalam berbagai peringkat pelaksanaan.

Dato' Sulaiman Ninam Shah: Soalan tambahan. Saya hendak dapat tahu daripada Kerajaan, adakah sehingga hari ini Kerajaan berpuas hati atas kemajuan yang dibuat oleh Jawatankuasa ini?

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi tugas jawatankuasa ini ialah untuk mendapat bantuan dan kemudahan melalui agensi-agensi Kerajaan yang sudah ada. Maka dengan itu pada masa ini Kerajaan berpuas hati dengan apa yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa berkenaan.

Datuk Syed Hassan Aidid: Soalan tambahan. Saya hendak bertanya dua soalan di sini. Pertama, adakah badan ini mempunyai satu peruntukan wang untuk menolong bumiputra? Kedua, bolehkah atau tidak badan ini membeli tanah-tanah orang Melayu supaya tidak dijual kepada kaum lain?

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan peruntukan wang khas untuk membantu bumiputra, seperti yang saya katakan awal-awal tadi badan ini adalah menjalankan kegiatannya melalui badan-badan berkanun seperti MARA dan UDA yang mana bererti wang itu adalah disalurkan oleh Kerajaan melalui badan-badan ini.

Mengenai dengan cadangan sama ada Badan ini boleh membantu Kementerian Tanah, saya rasa ini terpulanglah kepada peraturan-peraturan atau polisi-polisi yang diadakan bagi Badan-badan Berkanun yang terlibat untuk membantu bumiputra di Pulau Pinang.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, saya dengar tadi jawapan Yang Berhormat Menteri kebanyakan Ahli-ahli Jawatankuasa itu terdiri daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat, Pengarah-pengarah, orang-orang besar belaka, jadi yang saya hendak tanya di sini iaitu mesyuarat yang telah dibelanjakan pada tahun 1979 sebanyak \$339,000 bermakna \$30,000 sebulan belanja sahaja, jadi pembangunan di Pulau Pinang kita boleh tengok bahawa orang-orang Melayu tersangat mundur, tersangat-sangat mundur sekali adalah orang-orang Melayu di Pulau Pinang. Rumah-rumah orang Melayu di Pulau Pinang, Tuan Yang di-Pertua, di tepi-tepi laut, lebih jahanam, cukup-cukup buruk lebih daripada yang ditunjukkan. Saya hendak tanya nanti—ini buangnya sahaja—jadi lebih buruk daripada yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh dalam filemnya. Dengan sebab itu saya hendak bertanya bilakah Jawatankuasa yang berkecimpung dalam perkara ini untuk mengelola dan juga menjalankan tugasnya seberapa kuat, seberapa yang boleh untuk mengatasi kemiskinan orang Melayu di Pulau Pinang.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, mengatasi masalah kemiskinan kepada orang-orang Melayu di Pulau Pinang bukannya seorang dan tentulah terlalu banyak dan mungkin mengambil masa yang begitu panjang, tetapi walau bagaimanapun Jawatankuasa ini tentulah berusaha seperti

saya katakan sedaya-upaya melalui agensi-agensi Kerajaan dengan memberi berbagai-bagai bantuan dan juga nasihat kepada bumiputra-bumiputra yang ingin terlibat dalam berbagai projek pembangunan untuk memajukan bumiputra di Pulau Pinang.

Jadi kalau saya diminta menjawab untuk secepatnya seberapa jauh kejayaan yang dapat dicapai oleh Jawatankuasa ini, saya rasa apa yang telah saya bentangkan tadi adalah merupakan satu langkah yang sudah memuaskan, tetapi walau bagaimanapun pembangunan pada keseluruhannya tentulah tidak dapat dijalankan dengan begitu cepat, lebih-lebih lagi kita hendak mengatasi masalah kemiskinan yang saya rasa merupakan satu masalah yang tidak senang untuk diatasi.

PENTADBIRAN NEGARA

2. Puan Rahmah binti Othman minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan ada cadangan hendak mengubah sistem pentadbiran sekarang kepada satu pentadbiran yang lebih mengikut keperluan pembangunan negara hari ini.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, sistem pentadbiran yang ada sekarang adalah salah satu yang terbaik di dunia sebelah sini. Ia telah membuktikan kemampuannya menghadapi pembangunan negara selepas merdeka dan ini adalah terbukti daripada kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh Kerajaan di dalam melaksanakan rancangan-rancangan pembangunannya. Dalam Rancangan Malaysia Pertama, Kedua dan Ketiga dan seterusnya Negara ini telah dapat mencapai taraf pembangunan yang cemerlang ialah kerana Malaysia mempunyai jentera pentadbiran yang cekap dan penuh dedikasi. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk membuat perubahan yang radikal kepada sistem pentadbiran sekarang.

Walau bagaimanapun, dari masa ke semasa sistem pentadbiran kita diubahsuai dan dimodenkan mengikut keperluan negara dan perkembangan pengurusan moden. Kerajaan telah menubuhkan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia di Jabatan Perdana Menteri kira-kira 2½ tahun

dahulu yang mempunyai tugas besar menjalankan kajian pengurusan dalam pentadbiran awam di Malaysia, sebagai langkah menghadapi cabaran pembangunan dari segi meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam. Dari segi latihan pula INTAN dari masa ke semasa meningkatkan kursus latihan kepada para pegawai dan kakitangan Kerajaan untuk menjamin mereka mempunyai keupayaan menghadapi cabaran pembangunan. Kerajaan juga mengadakan banyak latihan-latihan lain di dalam dan di luar negeri untuk pegawai-pegawai Kerajaan. Kerajaan berpegang kepada dasar perubahan beransur-ansur sesuai dengan masa dan perkembangan yang berlaku dari masa ke semasa.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, di dalam negeri yang merdeka dan berdaulat ini iaitu saya mengatakan sistem pemerintahan kita adalah sistem penjajahan dahulu, oleh kerana jikalau dipandangkan ada Pegawai Daerah di tiap-tiap Daerah, Pegawai Daerah menjajah tiap-tiap Daerah. Kalau kita menengok sistem Inggeris dibawanya untuk menjajah. Adakah kita mahu hendak menjajah orang kita selepas 20 tahun merdeka? Bolehkah atau tidak kita membuat satu sistem yang lebih baik iaitu katakanlah di satu negeri ada Kerajaan, Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negeri dan tiap-tiap Daerah ada Pengerusi Daerah dan juga Setiausaha Daerahnya. Dengan adanya cara begini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat empat kali atau sepuluh kali pesat lagi pembangunannya daripada hari ini bolehkah atau tidak difikirkan oleh Kerajaan selepas 20 tahun merdeka ini?

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih atas cadangan Yang Berhormat itu. Tetapi walau bagaimanapun, tidaklah kesemuanya yang lama itu tidak baik, ada kalanya yang lama itu baik dan patut dikekalkan, maka itulah seperti saya katakan tadi sistem pentadbiran kita diubahsuai dan dimodenkan mengikut keperluan negara dan perkembangan pengurusan moden. Kita akan kaji dari masa ke semasa dan perbaiki mengikut keadaan; tentulah sekali kita tidak boleh mengikut pentadbiran yang ada di England, mereka tentu berbeza dari negara kita ini. Jadi, saya

ingin memberi jaminan kepada Yang Berhormat itu bahawa Kerajaan tidak akan lalai dan akan sentiasa mengkaji peranan dan perjalanan agensi-agensi Kerajaan dari masa ke semasa untuk membolehkannya menghadapi cabaran pembangunan yang ada dalam negara kita ini.

GURU SISWAZAH

3. Tuan Haji Fadzil bin Ahmad (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan guru siswazah yang bertugas di (a) Semenanjung Malaysia, (b) Sabah dan (c) Sarawak.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Tuan Yang di-Pertua, bilangan guru-guru siswazah terlatih adalah seperti berikut:

(a) Semenanjung	...	8,276 orang
(b) Sabah	...	250 orang
(c) Sarawak	...	378 orang

KAKITANGAN KEDUTAAN YANG MENINGGAL DUNIA

4. Puan Dasimah Dasir (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Luar Negeri menyatakan bilangan kakitangan kedutaan kita di luar negeri yang meninggal dunia semasa dalam perkhidmatan dan sama ada Kerajaan ada cukup peruntukan bagi mengendalikannya perkara ini.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin maklumkan bahawa berdasarkan kepada rekod di Kementerian saya, jumlah kakitangan Kedutaan yang meninggal dunia semasa di dalam perkhidmatan di luar negeri ialah seramai sebelas (11) orang dan Kementerian ini tidak menghadapi apa-apa masalah bagi mengendalikannya perkara ini di segi peruntukan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan V. V. Abou.

Tuan M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 5.

BELIA DI PUSAT LATIHAN BELIA

5. Tuan M. Mahalingam (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (i) bilangan belia-belia yang telah dipilih untuk masuk ke pusat latihan belia dalam tahun 1977 dan 1978 serta pecahan mereka mengikut kaum; dan
- (ii) bilangan pusat-pusat latihan belia yang ada di negara ini sekarang.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Chin Hon Ngian): Tuan Yang di-Pertua, angka-angka belia yang telah dipilih dan keluar dari Pusat-pusat Latihan Belia adalah seperti berikut:

Pusat Latihan Belia Dusun Tua—

		Tahun	Melayu	Cina	India	Lain-	Jumlah
						Jumlah	
						lain	
Angkatan Pembina Negara (Latihan Disiplin)	..	1977	395	6	21	14	436
		1978	899	32	31	41	974
Angkatan Belia Pelupur Negara (Latihan Vokasional)	..	1977	547	13	10	23	593
		1978	392	41	41	39	483

Pusat Latihan Belia Negara, Pertak—

Latihan Pimpinan	..	1977	135	9	9	5	158
		1978	109	7	2	2	120
Latihan Vokasional	..	1977	130	2	1	4	137
		1978	123	2	4	10	139

Bilangan Pusat Latihan Belia yang wujud di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ialah 2. Satu di Dusun Tua di mana Latihan Disiplin dan Latihan Vokasional dalam 18 jurusan diberi dan satu lagi di Pertak diberi latihan dalam Pimpinan dan Vokasional khas bagi pemudi-pemudi.

GURU-GURU WANITA DI SABAH—PENYERAPAN

6. Tuan Mohd. Azlan Kinjawan minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa guru-guru wanita di Sabah yang berkahwin sebelum 1971 belum diserapkan lagi ke jawatan tetap dan berpenen.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, penyerapan guru-guru wanita sementara (atas sebab perkahwinan) di Sabah dan penempatan mereka ke jawatan tetap dan berpenen sedang diuruskan sekarang oleh Jabatan Pelajaran Sabah dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.

HUKUMAN KEPADA PENYELUDUP

7. **Tuan Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan memandangkan kejayaan Jabatan Kastam dalam menumpaskan penyeludupan barang-barang letrik termasuk projektor pita vidio yang bernilai \$3 juta dari tiga kontena dari Hong Kong dan Singapura baru-baru ini:

- (a) bilangan penyeludup-penyeludup serta barangnya; dan
- (b) hukuman yang dikenakan ke atas mereka.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, pihak Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja masih menjalankan siasatan-siasatan yang mendalam untuk mendakwa orang-orang yang terlibat di dalam kes ini. Oleh kerana penyiasatan ini belum lagi selesai, maka tidaklah dapat diberitahu bilangan penyeludup-penyeludup yang terlibat dan hukuman-hukuman yang akan dijatuhkan.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan. Saya meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan adakah penyeludup-penyeludup yang demikian masih berleluasa, bertambah ataupun telah berkurangan dalam negara kita?

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Adakah berkehendakkan notis?

Tuan Mak Hon Kam: Jawapannya, telah berkurangan.

PEJABAT IMIGERESEN DI KUALA TRENGGANU

8. **Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan mengapa Pejabat Imigresen di Kuala Trengganu, yang telah dibuka hampir 10 tahun lamanya tidak diberi kuasa untuk mengeluarkan paspot Antarabangsa dan bilakah Jabatan Imigresen Kuala Trengganu akan dibenarkan mengeluarkan paspot Antarabangsa.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, walaupun terdapat Pejabat Imigresen di tiap-tiap buah negeri di Malaysia ini tetapi dalam urusan mengeluarkan paspot antarabangsa Malaysia kuasa dan tugas ini adalah ditanggungjawabkan kepada Ibupejabat Kawasan (Regional Headquarters) yang diketuai oleh Penolong Kanan Pengarah Imigresen. Ibupejabat Kawasan ini menguruskan permohonan daripada kawasan-kawasan yang tertentu yang merangkumi beberapa buah Pejabat Imigresen di dalam kawasan tersebut. Umpamanya, ibupejabat bagi kawasan Timur adalah di Kota Bharu iaitu untuk menguruskan semua permohonan-permohonan pasport yang diterima daripada Pejabat-pejabat Imigresen di negeri Kelantan, Trengganu dan juga Pahang.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun memberi kuasa mengeluarkan pasport kepada Ibupejabat di Pejabat-pejabat Kawasan seperti tersebut ini iaitu di Pulau Pinang bagi kawasan Utara, di Kota Bharu bagi kawasan Timur dan juga di Kuala Lumpur bagi kawasan Tengah, di Johor Bahru bagi kawasan Selatan, Kota Kinabalu bagi kawasan seluruh negeri Sabah dan juga Kuching bagi seluruh negeri Sarawak. Ini juga adalah dilakukan sebagai satu langkah bagi menyelaraskan urusan pengeluaran dan bagi menjamin keselamatan dokumen yang tersebut itu.

Pada hemat Kerajaan kemudahan pengeluaran pasport yang disediakan di keenam-enam Pusat yang tersebut tadi adalah mencukupi dan memuaskan dan buat masa ini Kerajaan tidaklah lagi ada cadangan untuk menambah lagi pusat pengeluaran pasport di mana-mana Pejabat Imigresen dalam negeri.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Adakah dasar Kementerian ini iaitu cawangan-cawangan yang dibuka di negeri-negeri itu tidak akan ditambah supaya kuasanya boleh mengeluarkan pasport antarabangsa sehingga beberapa lama ataupun Kerajaan bercadang pada suatu masa apakala sampai masanya negeri-negeri itu boleh mengeluarkan pasport antarabangsa.

Yang keduanya, dasar Kerajaan membuka Pejabat Imigeresen di dalam tiap-tiap negeri itu boleh difahamkan hendak memberi kesenangan kepada rakyat tetapi dengan adanya Regional Headquarters sebagaimana yang dikatakan tadi, itu menyusahkan rakyat. Seumpamanya orang-orang di Trengganu terpaksa pergi ke Kota Bharu, Kelantan yang jauhnya 100 batu. Jadi satu kesulitan kepada orang Trengganu, sudah 10 tahun kita terpaksa pergi mengambil pasport di Kelantan. Selama mana Kerajaan akan menetapkan cara ini?

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya sebut tadi pada masa ini pentadbiran mengeluarkan pasport antarabangsa Malaysia itu sebagaimana yang telah dibuat sekarang ini di tiap-tiap Regional Headquarters itu adalah memuaskan dan tidaklah lagi ada cadangan untuk mengubah peraturan tersebut sehingga barangkali sampai kepada satu masa atau ketika keadaan memerlukan. Pada masa sekarang keadaan tidaklah memerlukan lagi. Umpamanya di negeri Trengganu permohonan untuk mendapatkan pasport antarabangsa bagi tiap-tiap tahun tidaklah begitu banyak, boleh dikatakan dalam tahun 1969 hitung panjang (average) 1.4 satu hari pasport antarabangsa yang dipohon di Trengganu. Bagi tahun 1979, 5 pasport antarabangsa yang diminta menerusi Jabatan Imigeresen di negeri Trengganu. Ini bukanlah bermakna mengatakan bahawa tidak boleh memohon pasport antarabangsa itu di Pejabat Imigeresen Trengganu—boleh memohon menerusi Pejabat-pejabat Imigeresen di mana sahaja iaitu di Pejabat Imigeresen Trengganu tetapi pasport ini akan diproses di Regional Headquarters di Kota Bharu, jadi tidaklah payah pemohon itu pergi ke Kota Bharu, menunggu sahaja di Kuala Trengganu dan pasport itu akan dihantar balik dalam jangka masa yang ditetapkan.

Maka saya rasa keadaan ini tentulah tidak akan menyusahkan kepada rakyat negeri Trengganu di dalam perkara-perkara mengeluarkan pasport antarabangsa. Dalam perkara yang lain berhubung dengan Pejabat Imigeresen, saya percaya banyak perkara-perkara yang dapat diselesaikan oleh Pejabat Imigeresen Negeri di Trengganu khususnya yang tidak bersangkutan dengan pasport antarabangsa dan sebagainya.

PERMIT MASUK BAGI ISTERI-ISTERI

9. Tuan Alexander Y. L. Lee minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sebab-sebabnya bilangan rakyat Malaysia yang berkahwin dengan rakyat bangsa asing menghadapi kesukaran dalam permohonan permit masuk bagi isteri-isteri mereka dan juga bagi kebenaran menetap di negeri ini.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang tersebut di atas yang sama rupanya telahpun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri dalam Dewan ini pada 11hb Disember, 1979, maka dengan itu saya tidak berhajat hendak menambah lagi.

KAWASAN SETINGGAN UNTUK DIMAJUKAN

10. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan bilakah kawasan-kawasan setingan di Wilayah Persekutuan ini khususnya di Kampung Paya, Kampung Haji Abdullah Hukum, Pantai Halt dan Kampung Kerinchi akan dimajukan.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, suka saya memaklumkan bahawa kawasan-kawasan setingan di Wilayah Persekutuan khususnya Kampung Paya, Kampung Haji Abdullah Hukum, Pantai Halt dan Kampung Kerinchi sedang dimajukan berperingkat-peringkat. Keseluruhan kemajuan yang akan dijalankan di kampung-kampung tersebut dijangka siap akhir tahun 1985. Jenis-jenis projek pelaksanaan termasuk mengadakan unit-unit kediaman yang teratur, perdagangan dan kemudahan awam serta kemudahan sosial dan rekreasi. Peringkat awal perancangan telahpun siap dan peringkat kedua iaitu membina unit-unit kediaman adalah di dalam proses tawaran dan menyediakan pelan-pelan reka-bentuk.

RUMAH KOS RENDAH—PINJAMAN

11. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sebabnya rumah-rumah kos rendah yang dibina oleh

Kerajaan dan pihak swasta pada masa sekarang terlalu tinggi harganya, dan sama ada beliau sedar bahawa perkara ini berlaku kerana pihak swasta mengambil untung yang telampau banyak.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, satu Kumpulan Wang sebanyak \$10 juta yang dinamakan Kumpulan Wang Amanah Pinjaman Perumahan telahpun ditubuhkan untuk keperluan warganegara Malaysia dari golongan yang berpendapatan rendah untuk mendapat pinjaman bagi mendirikan rumah yang lebih baik dan sesuai dalam bandar dan juga di luar bandar.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, penduduk di tanahair kita ada lebih 13 juta. Katalah 4 juta hendak meminjam dari \$10 juta ini, cuma dapat \$2.50 seorang. Boleh atau tidak Kementerian ini menambah lebih banyak lagi, bukan \$10 juta tetapi \$1 billion untuk Kementerian ini sahaja. Ini macam melepaskan, seperti kata pepatah orang Melayu, kucing batuk di tangga sahaja. (*Ketawa*).

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, rancangan ini adalah rancangan Wang Pinjaman dalam satu sektor di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya peruntukan yang diberi kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan selepas Kajian Semula ialah sebanyak \$663 juta tidak termasuk wang \$10 juta ini. Ini bermakna selain daripada itu ada pula agensi-agensi Kerajaan yang lain. Sebagaimana Yang Berhormat katakan hendak \$1 billion, kalau dijumlahkan semua rancangan perumahan memang tepat dan memang ada peruntukan-peruntukan seperti itu disediakan oleh berbagai-bagai agensi termasuklah private sector.

Dato' Sulaiman Ninam Shah: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mencuba Timbalan Menteri pula. Soalan saya kepada Menteri yang berkenaan tidak dapat jawapan, barangkali Timbalan Menteri lebih pandai. Yang pertama saya hendak dapat tahu berapakah harga untuk rumah kos rendah,

menengah dan tinggi. Yang keduanya saya hendak tahu syarat-syarat untuk dapat menduduki rumah-rumah yang dikatakan kos rendah itu, sampai berapa pendapatan seseorang itu?

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat puji pandai itu saya serahkan kepada Tuhan sahajalah. Ini kewajipan saya untuk menjawab sesuai atau tidak sesuai.

Mengenai rumah yang berperingkat-peringkat, sebenarnya rancangan perumahan ini ada tiga golongan. Golongan yang pertama ialah golongan yang berpendapatan rendah dan rumah-rumah untuk golongan ini dilaksanakan oleh pihak sektor private dan juga pihak Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan. Ada dua golongan lagi yang terdiri daripada mereka yang berpendapatan pertengahan dan berpendapatan tinggi. Rancangan perumahan untuk golongan-golongan ini dilaksanakan oleh sektor private iaitu rancangan-rancangan yang dijalankan oleh pemaju perumahan. Rumah-rumah kos rendah yang dibuat oleh public sector dinamakan rumah awam kos rendah dan yang dilaksanakan oleh pemaju perumahan atau private sector dinamakan rumah harga rendah (low-cost).

Rumah-rumah yang harga pertengahan dan harga tinggi tidak diadakan subsidi tetapi rumah-rumah awam kos rendah adalah diberikan subsidi, seumpama Kerajaan Negeri memberi tanah percuma, infrastruktur dan lain-lain. Harganya di antara \$6,000-\$12,000 dan di Sabah dan Sarawak barangkali sampai ke \$15,000.

Mengenai dengan syarat-syarat orang yang mendapat rumah ini ialah orang-orang terdiri daripada pendapatan tidak lebih daripada \$500 sebulan dan di Sabah dan Sarawak tidak lebih daripada \$700 pada sebulan dan mereka itu tertakluk kepada beberapa banyak keluarganya dan tidak mempunyai tanah dan berapa lama duduk dalam kawasan rancangan perumahan itu. Rumah harga yang tinggi ini dibeli dengan cara perniagaan bebas (free enterprise) yang mana juga dijaga oleh Kementerian saya di mana-mana rancangan perumahan yang dilaksanakan oleh pihak swasta dikehendaki menentukan harganya.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, di negeri Johor Kerajaan Negeri Johor telah menetapkan kepada pemaju perumahan 40% daripada rancangan perumahan itu hendaklah dilaksanakan dengan rumah yang tidak melebihi atau tidak melintasi harganya \$15,000.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat sahabat saya tadi sebagai "kucing melepaskan batuk di tangga". Saya hendak bertanya, bolehkah Dewan ini tahu, daripada \$10 juta yang dikatakan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu, berapa yang sudah dibelanjakan?

Dato' Haji Ramli bin Omar: \$10 juta yang telah dibelanjakan ini saya tidak berapa ingatlah dan kalau tidak betul, saya minta notis pada masa yang akan datang. Tetapi sepanjang yang ada pada hari ini pinjaman yang telah dikeluarkan hampir \$1 juta.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang budiman tadi, selalunya apabila dijawab oleh Yang Berhormat Menteri menyatakan developer-developer ini kita tidak boleh kontrol harganya. Cuma kita boleh nasihatkan sahaja.

Saya hendak bertanya kalau hendak conversion atau tukar syarat tanah Kerajaan mesti luluskan dulu. Begitu juga lesen yang dikehendaki oleh mereka kita mesti luluskan lesen itu. Oleh kerana memandangkan Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh pernah menyatakan lebih banyak rumah murah mesti didirikan. Yang Berhormat Timbalan Menteri tentu tahu, orang yang mempunyai gaji \$300 bolehkah membeli rumah yang berharga \$30,000? Tentu tidak boleh. Kerajaan tidak akan boleh membuat semua rumah untuk orang miskin, tidak dapat. Jadi private sector yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu bolehlah ambil untung dari orang-orang kelas menengah, tinggi dan kaya-raya, tetapi jangan diambil untung dari orang miskin. Boleh atau tidak dibuat syarat iaitu rumah murah berharga \$12,000 ke bawah mesti didirikan sebanyak 20% dalam satu-satu lesen yang dikeluarkan oleh Kerajaan. Kerajaan

mesti ada kuasa di atas perkara ini. Kalau tidak begitu, saya ingat Kerajaan Tempatan tidak ada kuasa langsung. (*Ketawa*).

Dato' Haji Ramli bin Omar: Adapun masalah yang ada di hadapan ini, iaitu sebagaimana saya telah jawab pertanyaan asal Ahli Yang Berhormat bahawa skim ini di bawah kumpulan wang pinjaman perumahan yang ditetapkan kepada mereka tidak payah membeli rumah itu daripada pemaju-pemaju perumahan kerana pemaju perumahan mempunyai rancangan untuk mendapatkan keuntungan. Tetapi Kerajaan bukan ada rancangan untuk mendapat keuntungan. Itulah sebabnya saya telah menjawab tadi kita menambah lagi. Kita ada skim-skim di mana orang yang berpendapatan \$350 sebulan boleh meminjam wang daripada Kementerian saya dari wang pusingan \$10 juta dan wang pusingan itu dibayar balik, kemudian apabila diberikan pinjaman sebagai pusingan dan sebagai wang amanah mereka akan diberi tempoh bayaran 5 hingga 25 tahun dan mendapat faedah 5.5%. Cara bayarannya berperingkat-peringkat. Tadi saya sudah jelaskan bukan satu faktor kita melaksanakan rancangan perumahan banyak faktor-faktor yang boleh dikatakan rakyat menerima faedah-faedahnya pada hari ini. Saya rasa, saya boleh beri hari ini juga kepada Ahli Yang Berhormat yang berkenaan tadi. Jika berkehendakkan rumah itu, saya ada bawa buku untuk panduan kepada rakyat yang hendak membeli rumah sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, rakyat yang berpendapatan rendah boleh membaca buku ini. Kalau saya hendak huraikan di sini, panjang sangat. Saya minta maaf.

"PENDIDIKAN PENGGUNA" SEBAGAI MATAPELAJARAN DI SEKOLAH MENENGAH

12. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan kepada penipuan dan eksploitasi oleh peniaga-peniaga terhadap pengguna-pengguna hari ini sama ada beliau sedar bahawa "pendidikan pengguna" adalah penting bagi jenerasi muda. Oleh yang demikian adakah Kementerian bercadang memasukkan "pendidikan pengguna" sebagai suatu mata-pelajaran di sekolah-sekolah menengah.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak bercadang menjadikan Pendidikan Pengguna sebagai satu matapelajaran yang berasingan di sekolah-sekolah menengah.

Walau bagaimanapun tajuk-tajuk yang berhubung dengan Pendidikan Pengguna telah dimasukkan ke dalam kurikulum sekolah terutamanya di dalam matapelajaran Ilmu Perdagangan dan Pendidikan Sivik.

Selain dari matapelajaran Pendidikan Sivik yang diwajibkan bagi semua orang murid, tajuk-tajuk mengenai Pendidikan Pengguna adalah mencukupi dalam sukatan pelajaran Ilmu Perdagangan yang terdapat di sekolah-sekolah menengah.

Dalam usaha untuk memperkemas kurikulum di sekolah-sekolah, Kementerian saya sedang menjalankan usaha dan sedang mengatur strategi untuk menyisip dengan lebih luas lagi unsur-unsur Pendidikan Pengguna di dalam matapelajaran-matapelajaran yang ada kaitan dengannya supaya Pendidikan Pengguna lebih dititikberatkan lagi.

PERMOHONAN PASPOT MALAYSIA—PENGESAHAN IBU

13. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa peraturan Kerajaan pada masa sekarang tidak membenarkan seorang ibu memberi pengesahan kepada anaknya semasa memohon Kad Pengenalan atau Pasport Malaysia Terhad dan Pasport Antarabangsa yang berumur di bawah 21 tahun telah mendatangkan berbagai kesulitan kepada pemohon-pemohon yang bapanya tidak tinggal bersama dengan keluarganya atau yang bekerja di luar negeri, jika ya, sama ada beliau akan melonggarkan syarat-syarat yang diamalkan pada masa sekarang supaya membolehkan seorang ibu yang sah di sisi undang-undang memberi pengesahan kepada anaknya membuat permohonan yang berkaitan dengan perkara yang tersebut di atas.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar untuk menyatakan bahawa peraturan sekarang tidak membenarkan seseorang ibu untuk memberi izin kepada anak di bawah umur 21 tahun untuk memohon pasport Malaysia.

Maka tertakluk kepada syarat seseorang ibu kandung dibenarkan memberi keizinan bagi anak-anaknya yang memohon surat perjalanan tersebut. Ibu-ibu tersebut hendaklah membuktikan sama ada dengan keterangan yang sah atau perintah mahkamah bahawa:

- (a) suaminya tidak lagi tinggal bersama dengan keluarganya;
- (b) suami sedang bekerja di luar negeri; ataupun
- (c) tanggungjawab bapa dari segi undang-undang terhadap anak tersebut telah diserahkan kepada ibu kandungnya.

Bagi permohonan untuk mendapatkan kad pengenalan pula, ini bukan sahaja ibu bapanya sekiranya anak itu sudah ketiadaan ibu ataupun bapa salah seorang saudara sebagai penjaga boleh juga memberi pengesahan. Maka dengan itu peraturan ini adalah masih baik dan pihak saya tidaklah bercadang untuk melonggarkannya.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Bolehkah saya mendapat sedikit penjelasan tentang perkara (c) tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Apa, tidak dengar.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Bolehkah saya mendapat penjelasan sedikit tentang perkara (c) yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Ada tiga perkara, (a) (b) dan (c). Bolehkah saya mendapat penjelasan tentang (c).

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, (c) tadi saya menyatakan sekiranya suami sedang bekerja di luar negeri, ini sudahpun diterangkan dan jelas suami tidak ada di dalam negeri ataupun bekerja di luar negeri. Tidak dapat memberi kenyataan ataupun keterangan yang sah.

PUSAT PENGAJIAN SAINS PERUBATAN

14. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar telah ditetapkan penubuhan Cawangan Universiti Malaya dan Fakulti Perubatan Universiti Sains Malaysia

di negeri Kelantan, jika benar, sebutkan di mana cadangan tapaknya, dalam tahun berapa rancangan ini akan mula dilaksanakan, perbelanjaan yang dianggarkan dan bilangan para pelajarnya yang dapat ditempatkan di kedua-dua cawangan tersebut.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa Pusat Pengajian Sains Perubatan, Universiti Sains Malaysia akan ditubuhkan di Kubang Kerian, Kelantan. Tapak yang dicadangkan ialah di sebelah menyebelah Hospital Besar Kubang Kerian yang sedang dibina. Pengambilan pelajar untuk tahun pertama akan dilakukan bagi sesi Akademik 1981/82. Pada peringkat awal, pelajar-pelajar tahun pertama dan kedua akan mengikuti pengajian mereka di kampus Universiti Sains Malaysia di Pulau Pinang sebelum memulakan pengajian mereka pada peringkat tahun ketiga dan seterusnya di Kubang Kerian, Kelantan mulai sidang Akademik 1983/84. Kerajaan juga telah memutuskan supaya pusat Pengajian Sains Perubatan ditempatkan sepenuhnya di Kubang Kerian, Kelantan dan apabila matlamat ini dicapai, kemudahan-kemudahan yang telah disediakan di Kampus Universiti Sains Malaysia di Pulau Pinang boleh digunakan oleh Pusat-pusat pengajian yang lain.

Untuk membolehkan rancangan pengajaran dilaksanakan di kampus Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang mulai sidang Akademik 1981/82, peruntukan-peruntukan yang telah dipersetujui adalah seperti berikut:

	1979	1980
Perguruan	\$611,041	\$4,588,100
Pembangunan	\$711,000	\$21,855,186
	<u>\$1,322,041</u>	<u>\$26,443,286</u>

Selain daripada peruntukan-peruntukan di atas, satu lagi peruntukan tambahan sebanyak \$11,800,000 telah juga diberi untuk membolehkan pihak universiti mengambil balik tanah seluas 180 ekar sebelah menyebelah kawasan Hospital Besar, Kubang Kerian, Kelantan. Anggaran belanjawan bagi projek pembangunan Pusat Pengajian Sains Perubatan di Kubang Kerian sedang dirancang.

Pelunjuran pengambilan pelajar-pelajar bagi tiga sesi akademik yang pertama adalah seperti berikut:

<i>Sessi</i>	<i>Tahun Pertama</i>	<i>Tahun Kedua</i>	<i>Tahun Ketiga</i>	<i>Jumlah</i>
1981/82	64	—	—	64
1982/83	80	64	—	144
1983/84	80	80	64*	224

*Pelajar-pelajar ini akan mengikuti pengajian mereka di Kubang Kerian.

Pelunjuran pengambilan pelajar-pelajar bagi tahun-tahun berikutnya adalah bergantung kepada persiapan bangunan-bangunan fizikal dan perolehan kelengkapan yang perlu untuk program pengajaran.

Berhubung dengan cawangan Kampus Universiti Malaya pula, buat masa ini pihak Universiti Malaya dan Kerajaan negeri Kelantan sedang berusaha untuk memilih tapak yang sesuai untuk dijadikan kampus Pusat Pengajian Islam di sana. Kerajaan telah meluluskan peruntukan permulaan sebanyak \$10 juta bagi pembangunan kampus cawangan Universiti Malaya di Kelantan ini. Bilangan pelajar yang akan diambil belum dapat ditentukan lagi.

HOSPITAL DAERAH DI REMBAU

15. Tuan Haji Abdul Samad bin Said minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau bercadang hendak mendirikan sebuah hospital di Daerah Rembau Negeri Sembilan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, walaupun dasar Kerajaan ialah untuk membina sebuah hospital di tiap-tiap daerah di Negara ini, pembinaan hospital-hospital tersebut adalah dilaksanakan berperingkat-peringkat mengikut keutamaan. Pada ketika ini tidak ada rancangan untuk mendirikan sebuah hospital di Daerah Rembau di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Walau bagaimanapun perkara ini akan dipertimbangkan dalam Rancangan-rancangan yang akan datang.

RUMAH AWAM KOS RENDAH— PERUNTUKAN PINJAMAN

16. Tuan Ismail bin Hashim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah pihak beliau bercadang untuk mengadakan suatu kumpulan wang untuk dipinjamkan kepada tuan-tuan rumah kampung dalam bandar supaya mereka dapat mendirikan rumah yang lebih baik dan sesuai dengan pembangunan dalam bandar.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya kira rumah-rumah kos rendah yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah rumah-rumah awam kos rendah yang dibina oleh Kerajaan-kerajaan Negeri melalui peruntukan pinjaman daripada Kementerian saya. Jika itu yang dimaksudkan maka saya ingin memaklumkan bahawa rumah-rumah tersebut tidak dijual dengan harga yang tinggi dan ianya dikira mampu dibeli oleh rakyat yang berpendapatan kurang daripada \$500 sebulan di Semenanjung Malaysia dan \$700 di Sabah dan Sarawak. Rumah-rumah itu dijual tanpa sebarang unsur keuntungan tetapi sebaliknya ia mengandungi subsidi yang diberikan oleh Kerajaan iaitu menerusi kadar faedah yang rendah dari segi pinjaman, tanah secara percuma, premium yang rendah dan sebahagian keseluruhan kos infrastruktur ditanggung oleh Kerajaan. Manakala bagi rumah-rumah harga rendah yang dibina oleh pemaju-pemaju swasta pula harga jualannya adalah ditetapkan oleh pihak-pihak berkuasa misalnya Kerajaan Negeri dan setakat ini takrif rumah harga rendah ialah rumah-rumah yang berharga di antara \$12,000 ke \$20,000 ke bawah dan pemaju-pemaju perumahan swasta hendaklah menjualkan rumah-rumah tersebut dengan harga yang demikian. Oleh yang demikian sepanjang yang Kementerian saya ketahui rumah-rumah ini adalah dijual dengan harga yang tersebut. Rumah-rumah yang dijual dengan harga yang lebih daripada \$20,000 itu tidaklah dianggap sebagai rumah harga rendah.

Tuan Ismail bin Hashim: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya bukan rumah kos rendah yang hendak diminta mengadakan satu kumpulanwang untuk dipinjamkan kepada tuan-tuan rumah, yang mempunyai rumah di dalam kawasan bandar iaitu perkampungan Melayu. Maksud saya tuan-tuan rumah yang mempunyai rumah di dalam

kawasan bandar, boleh atau tidak pihak Kementerian untuk mengadakan satu kumpulanwang untuk memberi pinjaman kepada mereka ini untuk memajukan ataupun untuk membaiki keadaan rumah-rumah yang ada pada mereka sekarang. Oleh sebab kita memandangkan dari satu masa ke satu masa bahawa tidak ada pembangunan yang begitu pesat untuk menolong bumiputra yang ada dalam bandar-bandar yang mana kedudukan bandar makin sehari pembangunannya makin bertambah. Jadi, maksud saya, tuan-tuan punya rumah yang ada dalam bandar ini boleh atau tidak Kementerian mengadakan satu kumpulanwang untuk memberi pinjaman kepada mereka tanpa bayaran faedah ataupun cara mana supaya dapat mereka ini membangunkan rumah mereka dalam keadaan pembangunan bandar yang ada di sekeliling perkampungan Melayu di dalam bandar itu.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, mengenai rumah di dalam bandar dan di luar bandar, saya telah jawab pada soalan No. 11 tadi.

Datuk Mohd. Tahir bin Abdul Majid: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat pengertian yang dianggap oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu bercanggah apa yang dikehendaki dalam maksud soalan ini. Soalan ini menyatakan untuk dipinjamkan kepada orang yang mempunyai rumah atau tanah di dalam bandar, boleh atau tidak adakan peruntukan.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Itu saya akan siasat.

MAKTAB TENTERA— PENGAMBILAN PELATIH

17. Tuan Oh Siew Aun minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) bilangan maktab tentera dan di negeri mana letaknya; dan
- (b) nyatakan tarikh pelatih-pelatih dari berbagai kaum diambil masuk ke maktab-maktab tersebut.

Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, saya kurang jelas tentang maksud soalan (a); kalau dimaksudkan dengan perkataan. Maktab Tentera yang tepat, maka

Maktab Tentera yang kita ada sekarang ini hanyalah sebuah iaitu Maktab Tentera Di Raja yang terletak di Sungai Besi, Negeri Selangor. Kalau dimaksudkan dengan tempat-tempat latihan yang bertaraf Maktab, kita ada sebuah lagi Maktab iaitu Maktab Turus Angkatan Tentera yang terletak di dalam kawasan Kementerian Pertahanan di Kuala Lumpur ini.

Mengenai (b) pula tarikh penuntut-penuntut atau pelatih-pelatih diambil ialah pada bulan Januari dan bulan Julai tiap-tiap tahun.

GURU-GURU LEPASAN MAKTAB PERGURUAN

18. Tuan Haji Fadzil bin Ahmad (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan guru lepasan maktab dari Semenanjung Malaysia yang bertugas di (a) Sabah dan (b) Sarawak.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, bilangan guru-guru lepasan Maktab Perguruan dari Semenanjung yang bertugas di Sabah dan Sarawak ialah seperti berikut:

(a) Sabah	468
(b) Sarawak	560

PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA MENENTANG DASAR KERAJAAN

19. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah benar pelajar-pelajar kita di seberang laut seperti di Eropah dan Amerika telah dipengaruhi oleh fahaman dakwah menyeleweng hingga mereka tak boleh belajar, dan menentang dasar Kerajaan sekarang ini seperti berita berlaku perdebatan antara Timbalan Perdana Menteri dengan pelajar-pelajar dalam satu perjumpaan semasa lawatannya ke sana tempoh hari; jika benar, apa tindakan Kerajaan untuk mengatasi keadaan tersebut.

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawa terdapat segolongan pelajar-pelajar Melayu yang melanjutkan pelajaran mereka di luar negeri melibatkan diri dengan aktiviti-aktiviti dakwah yang menyeleweng dan menentang dasar Kerajaan dengan secara aktif. Kritik-kritik yang dilemparkan terhadap sistem

pemerintahan yang wujud di Malaysia oleh pelajar-pelajar golongan dakwah memangnya ketara tetapi sejauh ini aktiviti-aktiviti mereka tidaklah boleh dianggap menggugat keselamatan negara Malaysia.

Untuk mengatasi keadaan tersebut beberapa langkah tertentu sedang dirancang. Langkah-langkah ini berupa langkah-langkah positive, termasuklah pemberian penerangan-penerangan, majlis-majlis dialogue dan kemudahan-kemudahan pegawai berpengalaman dan kelulusan untuk memberi panduan pengetahuan agama yang benar.

KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA—PERSARAAN PENCARUM

20. Tuan Ismail bin Hashim minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa had umur 50 tahun bagi seseorang ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja untuk mengeluarkan wang mereka sebanyak satu-pertiga bahagian terlalu lewat bagi mereka untuk menggunakan wangnya, jika sedar adakah beliau bercadang untuk meminda had umur tersebut dari 50 tahun kepada 45 tahun, bagi membolehkan mereka merancang sesuatu terlebih awal lagi.

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan sering dibangkitkan di Dewan ini. Walau bagaimanapun saya akan sekali lagi memberi penjelasan.

Seperti Ahli Yang Berhormat maklum, tujuan menubuh Kumpulanwang Simpanan Pekerja (KWSP) ialah untuk memberi serba-sedikit jaminan kewangan masa persaraan pencarum-pencarum. Bukanlah tujuan Kerajaan untuk seseorang pencarum itu bergantung kepada Kumpulanwang tersebut sahaja untuk menjaga kepentingan hidupnya pada masa ia bersara. Adalah diharapkan bahawa pencarum-pencarum juga akan berjimat-cermat untuk menambahkan lagi pendapatannya di masa ia bersara selain daripada kumpulanwang simpanannya. Tetapi jikalau ia tidak berbuat demikian, carumannya di dalam Kumpulanwang Simpanan Pekerja akan dapat memberi jaminan bahawa ia tidak akan merana.

Adalah dikhuatirkan pengeluaran $\frac{1}{3}$ dari jumlah caruman pencarum apabila ia meningkat 45 tahun mungkin akan digunakan oleh pencarum bukan untuk tujuan-tujuan

pelaburan sebagai penyediaan terhadap keperluan masa persaraan mereka. Penyalahgunaan ini bukan suatu perkara mustahil memandangkan bahawa pencarum-pencarum masih ada lagi 10 tahun untuk bekerja dan oleh itu masa persaraannya adalah jauh lagi. Jikalau ini berlaku, tujuan pengeluaran wang tersebut dan juga tujuan penubuhan KWSP akan terjejas.

Oleh yang demikian, Kerajaan pada masa ini tidak bercadang untuk menurunkan had umur daripada 50 tahun kepada 45 tahun apabila pencarum boleh mengeluarkan $\frac{1}{3}$ daripada jumlah carumannya.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1980

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (17hb Disember, 1979)

*Perbahasan disambung semula.
3.30 pgt.*

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menjawab dan menggulung perbahasan yang telah diadakan beberapa hari yang lepas khususnya perkara-perkara yang ada kaitan dengan Kementerian Pelajaran.

Terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi mengambil bahagian di dalam perbahasan dan memberi pandangan dan pendapat-pendapat mereka berhubung dengan Kementerian saya. Saya tidaklah dapat memenuhi segala permintaan dari segi butir-butir penjelasan, apa yang saya fikirkan perlu telahpun dicatit dan apa yang difikirkan perlu diambil tindakan, insya Allah, akan diambil tindakan dan saya cuma mengambil kesempatan di sini untuk menjawab di atas 3-4 perkara yang tertentu sahaja.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian, di antaranya termasuklah Yang Berhormat Senator Dato Haji Ibrahim Yaacob, Senator Datin Hajjah Zawiah, Senator Rahmah Othman dan Senator Haji Mohd. Amin.

Puan Zawiah binti Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya bukannya Datin dan Hajjah.

Dato' Musa bin Hitam: Tetapi ini membayangkan kemungkinan masa yang akan datang (*Ketawa*), insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, ketiga-tiga daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya sebutkan tadi telah menyentuh soal-soal yang berhubung dengan pengeluaran buku teks dan dari segi Skim Pinjaman Buku Teks yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran. Di dalam hal ini ada dua perbincangan yang telah dikemukakan; yang pertama ialah dari segi kedudukan keadaan buku-buku teks yang dipinjamkan kepada murid-murid dan bidang yang kedua ialah bidang bagaimanakah skim pinjaman ini meliputi murid-murid di peringkat sekolah-sekolah yang tertentu. Dari segi keadaan buku teks yang disebutkan oleh dua orang Ahli Yang Berhormat, saya suka menyatakan bahawa Skim Pinjaman Buku Teks ini ialah merupakan Skim Pinjaman Buku Teks, ini bermakna ianya bertukar tangan dari setahun ke setahun dan maklumlah skim ini lebih-lebih lagi meliputi sekolah rendah dan budak-budak sekolah rendah merupakan budak yang agaknya kurang berpengetahuan, berpengalaman untuk mengawasi keadaan buku ini, jadi tentulah terjadi keadaan di mana kekoyakan ataupun catitan terjadi di atas buku-buku yang berkenaan. Dari segi Kementerian Pelajaran sendiri memang telah dibuat arahan-arahan yang tertentu supaya buku-buku ini dapat dikawal rapi oleh guru-guru yang bertanggungjawab menjaga tiap-tiap kelas yang berkenaan sebagai langkah yang pertama dan juga tidak dibenarkan murid-murid menurunkan apa-apa sebarang tanda, menulis atau menconteng di dalam buku-buku itu. Walau bagaimanapun, kami di Kementerian Pelajaran memang menerima kenyataan bahawa buku-buku ini akan jadi buruk di dalam masa yang begitu pendek, ada kemungkinan. Jadi berasas kepada itulah maka pengeluaran buku teks ini ataupun penambahannya dibuat tiap-tiap tahun sekali berasas kepada beberapa peratus yang

tertentu yang dipastikan menentukan keadaan buku-buku ini yang rosak untuk digantikan. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, setakat ini Kementerian saya (Kementerian Pelajaran) telah membelanjakan sebanyak \$203,224,000 untuk Skim Pinjaman Buku Teks sejak ianya dilancarkan dalam tahun 1975.

Dalam hal ini saya suka menyebut bidang kedua yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Rahmah Othman berhubung dengan bagaimana skim buku ini harus meliputi kepada mereka yang harus, menasabah menerimanya sahaja. Di dalam hal ini saya suka menyatakan bahawa dua peringkat yang dipastikan oleh Kementerian Pelajaran yang akan menerima skim pinjaman ini. Peringkat rendah ialah meliputi semua sekolah kebangsaan 100% daripada murid-muridnya menerima skim pinjaman ini tetapi sekolah rendah jenis kebangsaan tidak menerima semuanya 100% dan sekolah rendah jenis kebangsaan disamakan dengan sekolah menengah di mana penerimaan skim ini berasas kepada pendapatan ibubapa yang ditentukan dan telahpun dihebahkan dengan jelas kepada anggota-anggota masyarakat pada keseluruhannya.

Adalah dipastikan juga bahawa sekiranya hendak ditentukan di peringkat sekolah kebangsaan cuma mereka yang harus mendapatinya sahaja telah dipastikan bahawa begitu sedikit peratus mereka yang mampu menerimanya hinggalah kalau hendak dilaksanakan dengan perkecualian 10% atau 20% kos pentadbirannya akan melebihi daripada kos kita hendak membeli buku-buku teks ini, jadi lebih ekonomi dan lebih menasabah lagi 100% daripada mereka itu diberi bantuan skim pinjaman ini, bukan bermakna bahawa mereka yang mampu ditahan untuk membeli buku sendiri untuk disimpan atau kepunyaan anak masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua ialah perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato Haji Ibrahim Yaacob berhubung dengan keadaan Tingkatan VI di Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Batu. Saya suka menyatakan di sini bahawa penubuhan sesuatu kelas Tingkatan VI hendaklah berasas kepada angka pelajaran yang ada berkelayakan dan berkelulusan untuk menduduki di dalam sesuatu kelas yang hendak ditubuhkan oleh Kementerian Pelajaran. Mengikut siasatan yang telah saya

arah dibuat oleh Kementerian Pelajaran hasil daripada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya telah dapati bahawa di dalam peperiksaan SPM tahun lepas (1978), sekolah tersebut mempunyai hanya 5 orang pelajar sahaja yang telah lulus dan layak untuk menduduki di Tingkatan VI. 2 orang daripadanya hanya layak mengikuti jurusan Sains manakala 3 orang layak mengikuti jurusan Sastera. jadi jelaslah di sini bahawa masanya belum sampai untuk sesuatu kelas Tingkatan VI ditubuhkan di sekolah yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, soal yang ketiga ialah soal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dr Choo Kooi Fook berhubung dengan guru-guru bahasa Inggeris. Saya tidak bercadang hendak memberi huraian yang panjang lebar oleh sebab huraian ini telahpun saya buat melalui akhbar, di dalam Dewan Rakyat tetapi dalam Dewan Negara ini sendiri soal ini, khususnya berhubung dengan soal pengambilan guru-guru bahasa Inggeris yang telah bersara, saya telahpun menjawabnya pada 10-7-1979, iaitu berasas kepada soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan sendiri. Jadi tidak payahlah saya dengan panjang lebar untuk menghuraikan masalah yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

Perkara yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, yang suka saya sebutkan di sini ialah berhubung dengan cadangan Ahli Yang Berhormat yang sama di atas penubuhan lebih banyak lagi sekolah-sekolah berasrama penuh. Saya bersetuju bahawa penubuhan sekolah-sekolah berasrama penuh akan membantu di antara lain usaha-usaha Kerajaan untuk memupuk semangat persefahaman, toleransi dan perpaduan di kalangan pelajar-pelajar berbilang kaum. Jadi itulah sebabnya setakat ini sebanyak 19 buah sekolah berasrama penuh telahpun didirikan dan pada tahun 1980 sebanyak 6 buah lagi sekolah berasrama penuh akan didirikan oleh Kementerian Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya suka menyebutkan perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mohd. Amin.

Tuan Haji Mohd. Amin nampaknya excited sedikit berhubung dengan apa yang sedang dibuat oleh Kementerian Pelajaran iaitu exercise menggredkan sekolah. Begitu

excited ia nampaknya hinggalan ia telah membuat tohmah seolah-olah contoh guru yang dikatakan olehnya diturunkan pangkat itu ialah disebabkan ada berbau politik.

Saya suka menyatakan kepadanya bahawa tiap-tiap seorang guru yang diberi olehnya sebagai contoh apa yang dianggap sebagai diturunkan pangkat oleh sebab politik boleh saya berikan nama sepuluh orang yang lain yang membuat tuntutan yang sama, tetapi yang anihnya ialah mereka datang daripada parti politik saya sendiri. Jadi dengan ini jelaslah kita nampak bagaimana saya cuba sedaya upaya mengambil sikap dan dasar yang begitu neutral. Walau macam manapun tidak boleh dielakkan maklumlah tiap-tiap satu parti politik itu hendak memperjuangkan, sesiapa jugalah dan menggunakan apa-apa isu juga yang ada di tangan mereka, suatu isu yang popular, jadi timbullah soal yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat ini.

Saya fikir saya perlu menjelaskan di sini iaitu contoh seorang Guru Besar di Bachok yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah saya siasat. Nampaknya di kawasan Bachok ini ada dua orang guru yang terlibat, yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu satu daripadanya—ada dua.

Apa yang saya suka menjelaskan di sini ialah bahawa sekolah yang berkenaan itu telah dinaikkan gred ke peringkat gred yang tertinggi sekali dan guru yang berkenaan tidak lagi dianggap layak pada keseluruhannya untuk memegang jawatan Guru Besar. Inilah kejadian biasa yang berlaku di seluruh negara pada masa ini. Jadi soalnya bukan soal guru ini diturunkan pangkat. Guru ini ditukarkan kerja, ditukarkan jawatannya daripada jawatan yang dipanggil sebagai Guru Besar ditukarkan kepada jawatan yang dipanggilkan Penolong Kanan dan ada juga guru-guru yang diberikan jawatan yang merupakan guru biasa sahaja dan begitu banyak guru-guru yang menganggap, masyarakat juga dan tidak ketinggalan Ahli-ahli Yang Berhormat juga yang menganggap seolah-olah guru yang berkenaan itu diturunkan pangkat. Ada elemen malu di sini, jadi timbullah agaknya, aku orang PAS, aku orang UMNOkah, orang MCAkah, orang DAPkah. Itulah sebabnya Dato Musa Hitam ini agaknya dia mengambil tindakan.

Pada keseluruhannya suka saya menyatakan bahawa exercise yang dibuat ini ialah lebih daripada lima tahun sekali. Jadi, apabila dibuat jadilah kekecohan di dalam masyarakat tetapi saya berpendapat bahawa kejadian ini pada keseluruhannya tidak dapat dielakkan oleh sebab kalau sekolah-sekolah tidak digredkan tiap-tiap lima tahun sekali seperti dicadangkan oleh Suruhanjaya Kabinet pada masa dahulu, maka tidaklah dapat kita mentadbirkan sekolah itu dengan licin dan dengan berkesan walhal kita memberi keutamaan yang setinggi-tingginya kepada kepentingan murid-murid di sekolah yang berkenaan.

Di dalam hal ini cuma satu sahaja saya suka menyebutkan yang saya tidak mahu menafikan iaitu sekiranya seseorang guru itu—tidak kira parti politik mana, tetapi agaknya kemungkinan besar kalau dia itu dalam parti politik Pembangkang, sekiranya guru itu benar-benar menentang Kerajaan atau membuat kenyataan-kenyataan yang jelas mengkritik Kerajaan tentulah kita sebagai Kerajaan tidak akan menerima guru itu untuk berkhidmat dengan Kerajaan seperti saya sebutkan di dalam Dewan yang mulia ini beberapa hari yang lepas dan saya suka menegaskan barangkali di antara langkah-langkah yang perlu diambil ialah menukarkan guru yang berkenaan itu ke kawasan-kawasan yang difikirkan barangkali akan mengurangkan bahaya guru yang berkenaan itu menanamkan semangat bencikan Kerajaan dengan tidak tentu hala, bencikan Kerajaan berasas kepada parti politik yang menentang Kerajaan. Ini saya tidak menafikan, kalau terjadi. Tetapi di dalam hal yang berkenaan, contoh yang diberi ini saya berpendapat nampaknya jelas tidak ada bezanya, tidak ada berasas kepada dia ini orang PAS ataupun orang yang tidak bersimpati dengan Kerajaan tetapi dari segi keseluruhannya kejadian ini berlaku berleluasa di seluruh negara malahan begitu banyak Ahli-ahli Yang Berhormat tiap-tiap kali berjumpa dengan saya dengan cara diam-diam meminta tolong dengan saya. Kalau Ahli Yang Berhormat menyebut begitu agaknya lebih positif lagi daripada membawa isu ini ke mari menggunakan isu seolah-olah guru yang berkenaan itu menjadi mangsa politik. Saya meminta maaf terpaksa menjelaskan kedudukan ini untuk mengelakkan salah faham di kalangan guru-guru terutama sekali, mungkin di kalangan guru-guru

ada yang menyebutkan bahawa kita ini ialah sebuah Kerajaan yang menindas iaitu satu isu yang senang sahaja dapat disambar oleh sesiapa juga yang suka menyambarnya ataupun suka senentiasa menggunakannya.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah penjelasan saya di atas isu-isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

3.47 ptg.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat masing-masing terhadap hal ehwal luar negeri amnya dan terhadap Kementerian Luar Negeri khususnya. Saya akan menyentuh sedikit sebanyak mengenai perkara-perkara yang telahpun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam sidang perbahasan Belanjawan di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin telahpun mengesyorkan supaya perhubungan di antara negara-negara ASEAN diberbagai-bagai bidang ditingkatkan lagi.

Memanglah menjadi dasar kita sebagai satu keutamaannya untuk meningkatkan perhubungan antara negara-negara ASEAN di dalam berbagai bidang terutama sekali di bidang sosio-ekonomi dan juga bidang-bidang yang lain seperti kebudayaan dan juga perdagangan.

Soal pertukaran lawatan pemimpin-pemimpin dan rombongan negara-negara ASEAN di antara satu sama lain pada hakikatnya adalah rancangan kita di dalam merapatkan hubungan di antara rakyat dengan rakyat kelima-lima buah negara ASEAN ini.

Menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator T. S. Gabriel. Yang pertama mengenai pengiktirafan Malaysia dan negara-negara ASEAN kepada Kerajaan Pol Pot di Kampuchea.

Tuan Yang di-Pertua, masalah mengenai pengiktirafan Demokratik Kampuchea hendaklah dikaji di dalam konteks masalah di Kampuchea pada keseluruhannya. Malaysia telah mengiktirafkan Kerajaan Demokratik Kampuchea kerana ini adalah

Kerajaan yang sah di Kampuchea, apabila keadaan di situ diganggu (disturbed) oleh campurtangan tentera dari luar. Kita telah terus mengiktirafkan Demokratik Kampuchea kerana jika kita berbuat sebaliknya ini akan bermakna yang kita menyetujui hasil (outcome) dari campurtangan tentera asing itu. Patutlah ditekan bahawa pengiktirafan Demokratik Kampuchea tidak bermakna kita memberi sokongan (support) kepada dasar-dasar Kerajaan Pol Pot yang seperti diketahui ramai, telahpun sungguh-sungguh dikecam oleh masyarakat antara bangsa.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, mestilah kita membuat perbezaan di antara sokongan dan pengiktirafan (support and recognition). Pengiktirafan kita terhadap Kerajaan Demokratik Kampuchea adalah berasaskan kepada prinsip-prinsip berkenaan hubungan antara negara-negara dan ini adalah selaras dengan konsep ZOPFAN dan berkecuali.

Campurtangan secara kekerasan oleh kuasa asing di Kampuchea pada hakikatnya mencabuli prinsip-prinsip ini. Malaysia dan negara-negara ASEAN yang lain telah menekankan keadaan sekarang menambahkan lagi perlunya ditubuhkan ZOPFAN di rantau ini. Apa yang penting ialah dipertingkatkan lagi usaha-usaha penyelesaian secara aman untuk pertikaian di Kampuchea dengan cara penyelesaian politik dalam konteks ketetapan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Kampuchea yang telah dipersetujui baharu-baharu ini dengan kelebihan undi yang amat besar. Penyelesaian politik sebegitu yang berasaskan penarikan tentera-tentera asing, tidak campurtangan oleh kuasa-kuasa asing dalam hal ehwal Kampuchea penentuan masa dengan sendiri oleh penduduk-penduduk Kampuchea adalah pada pandangan kita cara yang sangat berkesan sekali untuk menentukan keamanan dan kesetabilan yang berkekalan di Asia Tenggara dan kemerdekaan dan kebebasan semua negara-negara di rantau ini, bebas dari campurtangan dan penindasan oleh kuasa-kuasa asing.

Kita percaya bahawa adalah untuk kepentingan semua negara di rantau ini supaya berusaha mencapai suatu penyelesaian politik di Kampuchea.

Kedua, mengenai penjelasan sama ada jaminan yang telah diberi oleh pemimpin-pemimpin Soviet Union kepada Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri Malaysia bahawa Vietnam tidak akan menyerang Thailand, sukacitalah saya menerangkan bahawa jaminan ini telah dibuatkan secara lisan. Ianya timbul dalam suasana perbualan pemimpin-pemimpin Soviet Union dan Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri. perkara ini berbangkit daripada perasaan kebimbangan kita terhadap kemungkinan merebaknya persengketaan yang kini berlaku di Kampuchea.

Ketiga, mengenai bagaimana ketetapan tentang Kampuchea akan dikuatkuasakan ini sebenarnya telah terdapat dalam ketetapan itu sendiri. Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah diberi mandat untuk menggunakan jasa baiknya bagi melaksanakan sesuatu yang difikirkan menasabah demi penyelesaian pertikaian ini. Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Kam Woon Wah di atas tajuk Teori Domino yang mana mengikut pendapat beliau telahpun terbukti selepas jatuhnya Kampuchea di tangan Kominis, ingin saya menerangkan bahawa Malaysia tidak percaya kepada teori ini. Malahan kita percaya ketabahan kepada tiap-tiap buah negara ASEAN. Ketahanan tiap-tiap negara ASEAN ini akan menjadikan sumber penting kepada ketabahan serantau. Bagi mewujudkan ketabahan ini setiap rakyat dalam negara ASEAN mestilah bersikap positif. Perpaduan dan kepadatan ASEAN serta kemajuan pembangunan sosio-ekonomi masing-masing hendaklah ditingkatkan sebagai benteng utama bagi keutuhan dan keseluruhan rantau ASEAN.

Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Rahmah binti Othman mengenai penasihat politik kepada Duta-duta Besar Malaysia di luar negeri, perkara ini pada hemat saya tidaklah perlu kepada tugas-tugas mereka, lagi pula maklumat-maklumat mengenai Malaysia dalam semua aspek sentiasa diberi kepada Kedutaan kita di luar negeri.

Berkenaan perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah mengenai kesusahan pelajaran yang dihadapi oleh anak-anak pegawai-pegawai kita di Kedutaan kita di luar negeri, sukacitalah saya menyatakan bahawa Kementerian ini sentiasa mengambil berat tentang hal ini. Saya suka juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang

Berhormat Tuan Haji Khalid ini yang begitu memberikan perasaan simpati di atas kedudukan pegawai-pegawai kita yang tinggal di luar negeri yang mana saya rasa dengan sungutan-sungutan ini bolehlah lagi dengan sokongan Yang Berhormat kita memberikan kemudahan-kemudahan yang bertambah lagi yang mana dari masa ke satu masa kita membuat kajian memberi kemudahan kepada anak-anak pegawai-pegawai yang bertugas di luar negeri itu.

Mengenai perkara-perkara yang lain yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang mana saya tidak berkesempatan untuk menjawab satu persatu, sukalah saya menyatakan bahawa Kementerian saya akan mengambil perhatian terhadap komen dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat itu. Saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan-pandangan yang mulia ini untuk Kementerian saya mengambil ingatan agar pada masa akan datang kita dapat menunaikan sungutan-sungutan ini.

3.55 *ptg.*

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengambil peluang ini mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada kesemua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang telah menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan Kementerian Kesihatan.

Mengenai teguran Ahli Yang Berhormat Senator Puan Zawiah binti Abdullah iaitu perkara kereta mayat Hospital Kuala Trengganu, sukacita saya mengatakan bahawa dalam pendapat Kementerian Kesihatan pada amnya sebuah kereta mayat adalah dianggap mencukupi. Tetapi kadang kala timbulnya kejadian sebagaimana yang telah disebutkan oleh atau telah dialami oleh Yang Berhormat itu di mana satu atau dua kereta mayat tidak mencukupi, keadaan seperti ini berlaku dan apabila berlakunya keadaan seperti itu sepatutnya pegawai yang bertanggungjawab menggunakan budi-bicaranya untuk mencari jalan mengatasi masalah yang dihadapi itu. Walau bagaimanapun, Kementerian ini akan mengkaji dan menimbang cadangan Senator Yang Berhormat

supaya kereta mayat ini dapat diperbaiki. Kalau tidak salah ingatan saya dalam permintaan Kementerian ini dalam Belanjawan ini kita ada meminta sedikit peruntukan untuk membeli kenderaan dan adalah diharapkan supaya peruntukan ini dapat juga digunakan untuk membeli kenderaan-kenderaan yang diperlukan. Berkenaan kegunaan ambulan untuk membawa mayat dukacita dimaklumkan bahawa daripada pengalaman Kementerian ini nampaknya orang awam tidak begitu suka menggunakan ambulan untuk membawa mayat-mayat. Oleh itu, Kementerian Kesihatan telah mengeluarkan arahan melarang kereta ambulan digunakan untuk membawa mayat-mayat itu.

Mengenai kegunaan Land-rover untuk menghantar bidan ke rumah orang-orang yang hendak bersalin, sukacita saya menyatakan bahawa Land-rover ada ditempatkan di Pusat-pusat Kesihatan Besar dan Pusat Kesihatan Kecil dan bidan-bidan yang bertugas di Pusat Kesihatan Kecil seperti ini seperti juga kakitangan-kakitangan lain bolehlah menggunakan untuk tujuan-tujuan tersebut. Walau bagaimanapun, bagi bidan-bidan yang ditempatkan di rumah-rumah bidan di kampung-kampung tidak ada Land-rover yang diperuntukkan dan bidan-bidan ini hendaklah menggunakan basikal atau skuter dalam menjalankan tugas-tugas mereka sehari-hari. Berkenaan dengan cadangan supaya bidan yang bertugas pada waktu malam tidak diberi tugas lagi di waktu siang, pada hari yang berikut, Kementerian ini akan mengambil perhatian dan mengkaji dengan lebih teliti lagi, cadangan Ahli Yang Berhormat ini. Walau bagaimanapun, sukalah kami menyatakan bahawa ada tempat-tempat dan kampung-kampung di mana keadaan atau cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat itu tidak dapat dilaksanakan kerana hanya seorang sahaja dan tidak ada orang ganti.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan juga mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Dr C. Sinnadurai atas beberapa perkara, kalau tidak salah saya, tiga, empat perkara yang telah dibangkitkan, di antaranya ialah taraf perkhidmatan kesihatan patut dan boleh diperbaiki, terutama perkhidmatan kesihatan di luar bandar.

Saya suka menyatakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi hasrat ataupun tujuan dan priority Kementerian ini meninggikan lagi dan memberi keutamaan kepada perkhidmatan kesihatan di luar bandar dan ini telah dibuktikan dengan kita meminta tiap-tiap tahun lebih banyak lagi peruntukan untuk perkhidmatan ini. Dan juga dengan pelaksanaan beberapa klinik yang kecil-kecil telah dinaikkan taraf kepada Pusat Kesihatan Kecil dan cadangan kita untuk mendirikan Hospital-hospital Daerah. Selain daripada itu Kementerian ini juga telah menjalankan beberapa projek seperti projek environmental sanitation, bekalan air dan sebagainya. Ini semuanya membuktikan bahawa kita sentiasa berusaha dari setahun ke setahun untuk mempertingkatkan lagi perkhidmatan perubatan dan kesihatan luar bandar.

Mengenai perkara pembaziran pakar-pakar di dalam segi pentadbiran dan beliau meminta supaya pakar-pakar itu sepatutnya menjalankan tugas-tugas hanya dalam bidang yang mereka telah dilatih; maksudnya surgeon janganlah menjalankan pentadbiran, begitu juga pakar perubatan dan lain-lain. Tuan Yang di-Pertua, ini memang sentiasa dilaksanakan. Walau bagaimanapun kadangkala terpaksa juga mereka itu serba sedikit menjalankan masalah pentadbiran terutama sekali kalau seseorang pakar itu merupakan ketua dalam satu-satu jabatan. Tetapi pada keseluruhannya, sukalah saya memberi jaminan di sini bahawa pakar-pakar ini adalah menjalankan perkhidmatan clinical di dalam bidang-bidang yang tertentu.

Dalam hubungan ini sukalah saya menyatakan doktor-doktor yang mempunyai kepakaran dalam bidang kesihatan awam (public health) mereka memang selalu bahkan menjadi tugas mereka menjalankan pentadbiran dan perancangan di dalam Kementerian Kesihatan.

Saya suka juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Dr C. Sinnadurai mengenai concernnya terhadap penubuhan sebuah pusat Cardiac. Beliau meminta supaya ini dapat dilaksanakan dengan segera. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini telah mengkaji dan sedang mengkaji secara mendalam keperluannya kita mengadakan sebuah Pusat Cardiac (Cardiac Centre) dan adalah kita berharap

perkara ini dapat dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keempat. Pada ketika ini saya rasa adalah kurang wajar bagi saya mengumumkan di manakah pusat ini akan ditubuhkan kerana saya rasa ada beberapa perkara lagi yang perlu dikaji.

Di antara lain kita juga telah mengkaji seperti cadangan Yang Berhormat Tan Sri Datuk Dr C. Sinnadurai supaya kita menubuhkan satu unit yang kecil di Hospital Besar, Kuala Lumpur. Ini sedang dipertimbangkan oleh pakar-pakar kita tetapi sukalah saya nyatakan di sini bahawa General Hospital, Kuala Lumpur merupakan salah satu hospital yang terbesar sekali di dalam dunia ini dan saya tidak dapat menjamin bahawa adakah tidak lagi ruang dan kemudahan-kemudahan (facilities) untuk menempatkan unit seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat itu. Ini kita akan kaji.

Sepertimana Yang Berhormat mungkin maklum bahawa rawatan penyakit jantung terutama sekali pembedahannya merupakan satu pembedahan atau rawatan yang sukar (complicated) dan sudah tentu Pusat Rawatan Pembedahan Jantung menjadi satu pusat yang sangat sophisticated yang memerlukan kemudahan-kemudahan physical yang benar-benar mencukupi dan sesuai dengan mempunyai alat-alat kelengkapan yang istimewa.

Selain dari itu ianya juga mesti mempunyai kakitangan-kakitangan perubatan dan para-perubatan yang terlatih dan mempunyai pengalaman yang istimewa bagi rawatan penyakit jantung. Ini bermakna Tuan Yang di-Pertua, dari Pakar Bedahnya hingga kepada para techniciannya mestilah menjalani satu latihan yang betul-betul cukup dalam bidang penyakit jantung. Begitulah keadaannya maka semua aspek dalam mendirikan sebuah Pusat Cardio Thoracic mestilah dirancang dengan rapi dan teliti kerana pusat seperti ini tidak akan dapat berjalan dengan licin dan cekapnya jika sekiranya satu daripada aspek kemudahan ini ketinggalan.

Oleh itu memanglah ada rancangan Kementerian ini untuk menghantar para doktor kita yang sesuai untuk dilatih dalam bidang pembedahan jantung dan dalam bidang penyakit jantung (cardiology) dan begitu juga para Techniciannya. Pada masa ini kita sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tan Sri Datuk Dr C. Sinnadurai mempunyai beberapa orang Consultant

Cardiologists. Beliau telah menyebut Dr Nik Zainal iaitu seorang pakar yang betul-betul mempunyai kebolehan dan pengalaman dalam bidang cardiology dan dengan adanya pusat ini nanti dan segala kemudahan adalah diharapkan kita akan dapat mengurangkan beban yang pada masa ini dialami dan dipikul oleh Pusat Cardiac, Universiti Hospital.

Beliau juga telah menimbulkan masalah doktor-doktor dan pakar-pakar yang telah meninggalkan perkhidmatan Kerajaan walaupun ada di antara mereka telah mendapat bantuan scholarship daripada pihak Kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang pernah saya katakan di dalam Dewan ini mereka yang berhenti itu tidak diwajibkan memberi sebab-sebab mereka berhenti dan kita dapat tahu bahawa ada beberapa sebab mereka berhenti. Di antaranya sebab-sebab peribadi dan ada juga mereka mengatakan mereka berhenti kerana hendak melanjutkan pelajaran, ada yang mengatakan mereka tidak suka menghadapi peperiksaan Kerajaan dan mungkin ada di kalangan mereka tidak suka bekerja oleh kerana tidak mahu dikongkong oleh syarat-syarat yang ada kepada pegawai-pegawai Kerajaan dan ada juga mengatakan Scheme of Service di dalam Kerajaan ini adalah tidak begitu baik dan peluang naik pangkat berkurangan. Walau apa juga sebabnya, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa selagi keadaan seperti yang ada sekarang iaitu masalah supply and demand dalam private and public sectors masih ada lagi perbezaan, keadaan mereka akan meletak jawatan dan masuk ke private sector akan berpanjangan.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian ini sentiasa mengambil tindakan terhadap perkara ini dan baru-baru ini satu laporan telah dibuat oleh satu Jawatankuasa Khas di Kementerian ini yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah berkenaan dengan organisasi dan penyerapan semula jawatan-jawatan ikhtisas di Kementerian ini. Tujuannya supaya membuka banyak peluang kepada pakar-pakar ini naik pangkat dan juga beberapa cadangan lain telah dikemukakan sebagai insentif supaya doktor-doktor kita terus berkhidmat dengan pihak Kerajaan.

Laporan ini telahpun dikemukakan oleh pihak Kementerian kita kepada Kerajaan untuk dipertimbangkan. Oleh yang demikian saya rasa tidak perlulah bagi pihak Kementerian ini mengadakan ataupun menyokong

supaya satu Suruhanjaya Khas dibentuk bagi mengkaji syarat-syarat perkhidmatan untuk doktor-doktor dan pakar-pakar ini. Walau bagaimanapun saya sukalah mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri atas cadangan beliau itu.

Mengenai teguran Yang Berhormat Datuk Syed Hassan Aidid tentang projek untuk membesarkan Hospital Besar, Pulau Pinang, sebagaimana saya sendiri telah maklumkan di dalam Dewan ini bahawa satu pre-survey hendaklah diadakan untuk mencari dan menentukan paip-paip air dan sewerage sebelum kerja piling dapat dimulakan. Kalau tidak salah ingatan saya dalam mesyuarat yang lepas saya telah memberi penjelasan yang begitu panjang lebar yang telah diterima oleh Yang Berhormat Datuk. Saya difahamkan bahawa tugas pre-survey ini telahpun disempurnakan dan setakat ini ianya sampai ke peringkat pengeluaran tender untuk piling.

Sebenarnya kami di Kementerian Kesihatan khasnya Yang Berhormat Menteri dan saya sendiri adalah kurang senang apabila projek-projek kesihatan, pembinaan hospital, pembinaan kelinik ini lambat dilaksanakan, bahkan kami sentiasa berusaha mencari jalan dan cara bagaimana kita hendak mempercepatkan pelaksanaan projek-projek ini. Sebenarnya pagi tadi kita telah mengadakan satu mesyuarat yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri yang dihadiri oleh tiga buah Kementerian iaitu Kementerian Kerajaan dan Kemudahan Awam, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesihatan beserta dengan kakitangan dari Kementerian-kementerian ini untuk mencari jalan bagaimana kita dapat mempercepatkan pelaksanaan projek-projek ini, kerana banyak ianya tergendala. Ini tidak dapat diatasi dengan begitu sahaja kerana sebab-sebabnya berlainan. Ada sebabnya kelambatan oleh pihak Kementerian sendiri, kerana kekurangan kakitangan, banyak sangat bebanan kerja dan ada disebabkan oleh Kementerian lain, ada disebabkan lambat kita mendapat tapak tanah dan ada juga disebabkan oleh kontraktor-kontraktor dan lain-lain lagi. Jadi itulah mesyuarat kita pagi tadi dengan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan untuk mencari jalan bagaimana kita dapat mengatasi masalah ini.

Mengenai teguran Yang Berhormat Tuan Ismail bin Hashim berkenaan dengan Hospital Besar Melaka, saya ingin menyatakan bahawa Hospital Besar Melaka pernah diperbesarkan dan pada ketika ini hospital besar ini adalah mempunyai sejumlah 929 katil. Kementerian ini tidak bercadang menambahkan lagi bilangan katil yang ada sekarang, kerana sebuah hospital yang terlalu besar dengan lebih daripada 1,000 katil adalah amat sukar untuk ditadbirkan dan akan menimbulkan banyak masalah nanti. Satu contoh yang baik ialah Hospital Besar di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, Kementerian ini mempunyai beberapa cadangan untuk membina sebuah Hospital Daerah bagi Daerah Alor Gajah dan juga sebuah Hospital Daerah di Jasin di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Adalah diharapkan dengan pembinaan hospital-hospital daerah tersebut kesesakan yang dialami oleh Hospital Besar Melaka akan dapat dikurangkan.

Mengenai teguran Yang Berhormat Senator Ismail bin Sheik Ibrahim, Kementerian ini sedar akan kekurangan pakar-pakar bukan sahaja di negeri Perlis bahkan juga di seluruh negara dan Kementerian ini sentiasa berusaha dan mengambil tindakan untuk mengatasi masalah ini.

Yang Berhormat Senator Puan Dasimah Dasir telah menegur berkenaan dengan wang cagaran (deposit) yang diperlukan untuk memasuki ward kelas satu di hospital Pulau Pinang, suka saya menyatakan di sini bahawa wang cagaran ini adalah diperlukan kerana didapati ada pesakit-pesakit yang telah dikeluarkan daripada hospital-hospital yang masih belum menjelaskan bil-bil mereka. Ini telah mengakibatkan berjuta-juta ringgit tidak dapat dipungut dan pihak Kementerian Kesihatan telahpun dipersoalkan oleh pihak Akauntan Jeneral. Walau bagaimanapun, keadaan yang berlaku kepada Yang Berhormat itu, saya rasa sepatutnya juga pegawai yang bertugas pada masa tersebut menggunakan budibicara (discretion) sama ada menerima jaminan yang diberikan oleh Yang Berhormat itu ataupun sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja serba sedikit yang dapat saya jelaskan. Perkara-perkara yang saya tidak dapat jelaskan di sini, insya Allah apabila kita

mendapat laporan nanti, kita akan kaji dan mana-mana perkara yang baik yang patut dilaksanakan, kita akan berbuat demikian.

4.15 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas ucapan-ucapan yang menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan bidang tugas Kementerian saya dalam masa membahaskan Belanjawan bagi tahun 1980 bagi kali ini.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Senator Dr Choo Kooi Fook, saya ingin memaklumkan bahawa Kerajaan sedang giat melaksanakan projek-projek rumah awam kos rendah di serata tempat di tanahair kita. Kementerian saya hanya mengendalikan peruntukan bagi pelaksanaan projek-projek rumah awam kos rendah. Bagi projek-projek yang dilaksanakan oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri peruntukan adalah dikendalikan oleh Kementerian Perusahaan Awam dan dengan demikian, saya tidak ingin untuk menjelaskan lebih lanjut berhubung dengan perkara yang dibangkitkan itu.

Berhubung dengan cadangan supaya penduduk-penduduk di kampung baru dan tradisi diberi tanah untuk membina rumah, saya ingin memaklumkan bahawa perkara itu di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, dari masa ke semasa Kerajaan-kerajaan Negeri ada menyediakan tanah bagi penduduk-penduduk kampung baru untuk membina rumah.

Mengenai tuduhan Yang Berhormat Puan Rahmah binti Othman, bahawa usaha Kerajaan untuk menyelesaikan masalah perumahan bagi rakyat yang berpendapatan rendah adalah seolah-olah melepaskan batu di tangga sahaja. Saya menafikan tuduhan itu. Sekiranya Ahli Yang Berhormat berkenaan meneliti dan membaca mengenai perumahan di dalam Buku Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga maka Yang Berhormat akan dapati bahawa peruntukan bagi rancangan untuk golongan yang berpendapatan rendah telah bertambah dan ini membayangkan kesungguhan Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

Mengenai perbezaan jawapan yang diberi pada bulan Ogos dan pada bulan Disember seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat itu sebenarnya apa yang dikatakan pada bulan Ogos dahulu ialah mengenai rancangan perumahan awam kos rendah sahaja, rancangan yang dibiayai melalui peruntukan pinjaman daripada Kementerian saya yang dipinjamkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri. Sebab itulah pada masa tersebut Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa yunit rumah yang telah siap adalah kira-kira 13,000 yunit.

Bagi jawapan saya kepada soalan yang dikemukakan dalam sidang kali ini, soalan itu merangkumi program perumahan untuk sektor awam keseluruhannya. Oleh yang demikian, angka-angka yang diberikan itu adalah bagi program perumahan sektor awam keseluruhannya iaitu termasuk rancangan perumahan kos rendah, rancangan perumahan agensi-agensi pembangunan tanah dan wilayah, perumahan kakitangan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah dan Sarawak, dan Perumahan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri.

Untuk gambaran selanjutnya berhubung dengan program perumahan sektor awam serta peruntukan dan sasaran ini bagi Rancangan Malaysia Ketiga ini, saya cadangkan supaya Ahli Yang Berhormat meneliti jadual 15 (2), muka surat 233, Buku Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga. Saya berharap kekeliruan di dalam masalah ini akan diatasi dengan penerangan ringkas yang saya berikan di atas.

Mengenai definasi rumah murah, saya telahpun memberi tahu beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini. Kementerian saya menggunakan dua istilah rumah murah seperti berikut:

- (a) Rumah awam kos rendah ialah rumah kecil desa yang berukuran lantai antara 336 kaki persegi hingga 750 kaki persegi.

Bagi rumah pangsa keluasan ini ialah lebih kurang 550 kaki persegi. Rumah-rumah ini dibina mengikut rekabentuk dan dengan bahan yang menjimatkan belanja dan dengan menggunakan kemudahan pinjaman Kerajaan Persekutuan dengan faedah 4% bagi tempoh pinjaman selama 25 tahun. Rumah-rumah ini disewa atau

dijual tanpa unsur keuntungan tetapi sebaliknya ada mengandungi subsidi yang diberikan oleh Kerajaan iaitu menerusi kadar faedah yang direndahkan dan lain-lain lagi.

- (b) Rumah harga rendah ialah rumah yang dibina oleh agensi Kerajaan ataupun pihak swasta ataupun usahasama di antara kedua-duanya yang harga jualannya tidak lebih daripada \$20,000 seunit termasuklah unsur keuntungan. Perkara utama yang membezakan dengan rumah awam kos rendah lain ialah harga jualannya mengandungi unsur-unsur keuntungan sama ada kecil ataupun besar. Kadangkala rumah harga rendah ini mendapat subsidi daripada Kerajaan Negeri, kebiasaannya dari segi harga tanah yang rendah sekiranya sesuatu projek itu merupakan projek usahawan di antara Kerajaan dan swasta.

Berhubung dengan masalah pembahagian perumahan awam kos rendah, saya ingin memberitahu bahawa Kementerian saya telahpun menyediakan garis panduan pembahagian rumah untuk diikuti dan dijamin oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan garis panduan yang disediakan oleh Kementerian saya itu adalah membayangkan hasrat dan cita-cita Kerajaan untuk menolong golongan berpendapatan rendah dan seterusnya mencapai hasrat Dasar Ekonomi Baru untuk membasmikan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat demi perpaduan negara. Faktor-faktor yang dijadikan pertimbangan di dalam pembahagian rumah-rumah awam kos rendah ini adalah seperti berikut:

- (1) Pendapatan keluarga pemohon dengan mengutamakan mereka yang pendapatan sekeluarga tidak lebih daripada \$500 sebulan;
- (2) Keluarga tersebut perlu menetap di kawasan tersebut dan tidak mempunyai rumah ataupun tanah lain di kawasan yang sama ataupun berhampiran dengannya;
- (3) Pekerjaan pemohon;
- (4) Lama menyewa dan tinggal di kawasan itu;
- (5) Keadaan dan bilangan di dalam keluarga pemohon;
- (6) Keupayaan pemohon untuk membayar ansuran sewa;

- (7) Keutamaan diberi kepada mereka di dalam lingkungan umur 30 hingga 47 tahun;
- (8) Orang-orang cacat anggota tertakluk kepada faktor-faktor di atas dan bekas anggota pasukan keselamatan;
- (9) Keperluan penyusunan semula masyarakat setempat;
- (10) Lain-lain hal yang perlu dipertimbangkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri ataupun Dewan Bandaraya atau ajensi-ajensi yang berkenaan bersesuaian dengan keadaan tempat masing-masing.

Saya ingin menegaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa rancangan perumahan awam kos rendah ini adalah merupakan projek Kerajaan Negeri. Kementerian saya hanya menyediakan peruntukan dan menyelaraskan pelaksanaan program-program tersebut.

Masalah pembahagian rumah awam kos rendah ini adalah tertakluk kepada budi bicara Kerajaan Negeri masing-masing dan Kerajaan-kerajaan Negeri dibenarkan untuk menyesuaikan garis panduan itu dengan kehendak dan keperluan tempatan.

Yang Berhormat Datuk Sulaiman meminta definasi rumah murah, sederhana dan mahal.

Bagi rumah murah telah saya jelaskan sebentar tadi. Bagi rumah-rumah harga sederhana dan mahal adalah rumah yang dibina oleh pihak pemaju swasta. Rumah harga mahal ialah yang berharga melebihi \$80,000 dan harga sederhana ialah yang berharga di antara \$20,000 hingga \$50,000. Walau bagaimanapun, pembahagian ini adalah secara arbitrary sahaja.

Ahli Yang Berhormat juga menghendakkan Kerajaan menetapkan kadar minima 40% dalam satu skim perumahan terdiri daripada rumah harga murah. Seperti yang telah dinyatakan dalam masa yang lalu soal menetapkan "ratio" ini adalah terpulang kepada Kerajaan Negeri iaitu sama ada Kerajaan-kerajaan Negeri lain hendak mencontohi Kerajaan Negeri Johor, ini terpulanglah kepada Kerajaan-kerajaan Negeri tersebut. Setakat ini Kementerian saya belum lagi mengadakan polisi yang begini iaitu menetapkan "ratio" jenis rumah dalam satu-satu skim perumahan.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Haji Latip bin Haji Dris yang meminta bantuan kewangan yang cukup untuk Majlis-majlis Tempatan di Sarawak untuk memperbaiki jalan-jalan kampung di dalam Majlis-majlis Tempatan yang telah lama terbiar. Saya suka menegaskan bahawa Majlis-majlis Tempatan di Sarawak tertakluk di bawah Kerajaan Negeri di Sarawak. Pada umumnya Majlis-majlis Tempatan itu hendaklah menggunakan peruntukan masing-masing untuk memperbaiki jalan-jalan kampung di dalam Majlis-majlis Tempatan tersebut.

Sekiranya peruntukan yang diperlukan tidak cukup, maka bantuan kewangan hendaklah diperolehi oleh Kerajaan Negeri Sarawak. Ketua-ketua Eksekutif Majlis-majlis Tempatan yang berkenaan hendaklah menyediakan rancangan-rancangan yang lengkap untuk memperbaiki kemudahan-kemudahan infrastruktur termasuk jalan-jalan kampung untuk dilaksanakan. Permohonan bolehlah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri Sarawak supaya peruntukan yang cukup boleh dikhaskan untuk tujuan ini.

Pada masa ini Kerajaan Pusat sedang mengkaji bantuan kewangan untuk Penguasa-penguasa Tempatan di negeri Sabah dan Sarawak berasaskan kepada keperluan untuk memodenkan sistem Kerajaan Tempatan di kedua-dua negeri itu. Oleh kerana masalah ini adalah satu masalah yang sangat rumit maka Kerajaan Pusat pada masa ini tidak dapat mengambil satu keputusan terhadap perkara ini. Apabila sahaja kajian yang diperlukan telah dibuat perkara ini akan diberi pertimbangan yang mendalam untuk membolehkan Kerajaan Pusat mengambil satu keputusan yang muktamad.

Sebelum keputusan ini diambil, saya suka menegaskan bahawa Majlis-majlis Tempatan yang berkenaan di Sarawak hendaklah menggunakan peruntukan masing-masing ataupun berusaha untuk mendapat bantuan kewangan dari Kerajaan Negeri Sarawak untuk memperbaiki jalan-jalan kampung di dalam Majlis-majlis Tempatan itu.

Yang Berhormat Tuan V. V. Aboo meminta Kementerian saya mengambil langkah-langkah positif dan tegas untuk memastikan tiap-tiap kedai pajak gadai menghantar notis kepada pemajak-pemajak barang dua minggu sebelum tempoh pajakan tamat.

Mengikut Akta Pajak Gadai 1972 ataupun Peraturan Pajak Gadai 1972 tidak ada peruntukan yang mewajibkan seseorang pemegang pajak gadai menghubungi mana-mana penggadai mengenai tamat tempohnya sesuatu barang yang digadai. Walau bagaimanapun oleh kerana Kementerian saya sedang di dalam proses penyemakan undang-undang yang ada, cadangan mengadakan syarat ini akan dipertimbangkan.

Menyentuh soal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Ismail Hashim mengenai kedudukan Penguasa-penguasa Tempatan, sukacita saya memaklumkan bahawa Kementerian saya sedang mengambil langkah untuk memodenkan semua Penguasa-penguasa Tempatan di negeri ini melalui pelaksanaan satu dasar yang dipersetujui bersama oleh Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan iaitu dasar Penyusunan Semula Penguasa-penguasa Tempatan. Adapun tujuan utama penyusunan semula Penguasa-penguasa Tempatan itu ialah untuk memperkemas, mengubahsuai dan memperkukuhkan kedudukan Penguasa-penguasa Tempatan dari segi fungsi, undang-undang, organisasi dan kewangan.

Sehingga 15hb November, 1979 enam buah negeri iaitu Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Melaka, Johor dan Kelantan telah menyusun semula semua Penguasa-penguasa Tempatan masing-masing, manakala negeri Perlis, Pahang, Trengganu, Perak dan Negeri Sembilan akan menyusun semula semua Penguasa-penguasa Tempatan di negeri masing-masing selewat-lewatnya pada pertengahan tahun 1980.

Untuk melaksanakan Dasar Penyusunan Semula Penguasa-penguasa Tempatan tersebut, Kerajaan telah menyediakan bantuan kewangan dalam bentuk grant Pelancaran dan grant tahunan yang akan diberi kepada semua Penguasa-penguasa Tempatan yang disusun semula bertujuan memperbaiki kedudukan kewangan Penguasa-penguasa Tempatan untuk membolehkan Penguasa-penguasa Tempatan tersebut membeli kelengkapan seperti lori dan lain-lain jentera yang perlu untuk membaiki keupayaan mereka melaksanakan tanggungjawab dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempokkan selama 15 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.30 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.53 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Ramli Omar.

4.53 ptg.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, bagi menyambung jawapan saya di sini, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih, iaitu syor-syor Ahli Yang Berhormat dari Perlis mengenai Skim Pinjaman Perumahan buat masa ini tidak sesuai ditimbang dan Kementerian berpendapat syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang diamalkan sekarang adalah baik, lebih-lebih lagi akan memberi peluang yang lebih banyak kepada golongan berpendapatan rendah bagi menikmati kemudahan di bawah skim ini.

Mengenai syor Ahli Yang Berhormat dari Melaka supaya kampung-kampung Melayu di bandar diberi bantuan untuk membina rumah. Sebenarnya bantuan seperti itu memang telah ada di Kementerian saya yang dinamakan Skim A iaitu skim bantuan yang dikhaskan kepada mereka yang tinggal dan mempunyai tanah di sekitar sesuatu kawasan perindustrian atau yang tinggal dan mempunyai tanah yang berhampiran kawasan punca-punca pendapatan.

Cadangan oleh Ahli Yang Berhormat supaya Jabatan Arkib Negara dan Perpustakaan Negara mengadakan taklimat khas kepada Ahli-ahli Parlimen, perkara ini akan dirundingkan dengan kedua-dua Jabatan tersebut.

Mengenai cadangan supaya jawatan Pengarah Perancang Bandar dan Desa diwujudkan bagi membantu Ketua Pengarah, buat masa ini memang telah ada jawatan Timbalan Ketua Pengarah I dan Timbalan Ketua Pengarah II bagi membantu Ketua Pengarah dalam tugasnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap jawapan-jawapan yang saya berikan ini dapat memuaskan hati Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan mana-mana yang ada ketinggalan saya percaya pihak Kementerian ada mengambil catitan-catitan dan melaksanakan mana-mana cadangan atau syor-syor yang baik di masa yang akan datang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kementerian Pengangkutan.

4.55 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan, teguran dan pendapat-pendapat terhadap Kementerian ini.

Dalam pada itu izinkanlah saya menjelas terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Pengangkutan.

Mengenai kerosakan yang berlaku di Pelabuhan Kuantan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik perkara ini telah diketahui ramai terutama atas sebab-sebab apabila pelabuhan ini terpaksa ditangguhkan pembukaannya. Hanya memadailah saya mengatakan bahawa sungguhpun pelabuhan ini telah siap dibina, pihak Kerajaan tidak akan memulakan operasi sepenuhnya selagi Kerajaan tidak benar-benar berpuas hati bahawa ianya adalah selamat dan sempurna. Pada ketika ini, kita tidaklah mengetahui sama ada keretakan yang berlaku pada dermaga am itu merupakan kerosakan secara structure atau hanya di bahagian atas yang boleh dibaiki dengan senang. Untuk memastikan kedudukan yang sebenarnya, maka itulah sebabnya Kerajaan telah melantik satu firma juruperunding yang bebas iaitu Sir Bruce White Barry & Partners. Laporan daripada juruperunding ini akan disiapkan dan dikemukakan kepada Kerajaan tidak berapa lama lagi dan berasaskan kepada laporan inilah baru kita mengetahui kedudukannya sebenarnya mengenai pembinaan Pelabuhan Kuantan itu.

Berkenaan dengan pendaftaran kenderaan jenis Nissan Homar yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik yang dikatakan tidak mengikut Katalog sebenarnya, sukalah saya menyatakan perkara ini telahpun dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk kajiannya.

Mengenai perkhidmatan MAS ke Alor Setar, pada masa ini MAS mengadakan perkhidmatan harian daripada Kuala Lumpur ke Alor Setar dengan menggunakan pesawat F 27 seperti berikut:

Sektor	Perkhidmatan
(i) Kuala Lumpur/Alor Setar/Kota Bharu dan balik	3 kali seminggu
(ii) Kuala Lumpur/Ipoh/Pulau Pinang/Alor Setar dan balik	4 kali seminggu

Memandangkan jumlah penumpang bertambah dari Kuala Lumpur ke Alor Setar sejak bulan April ke Oktober, 1979 perkhidmatan MAS yang pada masa sekarang menggunakan pesawat F 27 akan digantikan dengan pesawat B 737 mulai 1hb April, 1980. Jika perlu penerbangan tambahan ke Alor Setar akan dilancarkan sekiranya terdapat jumlah penumpang yang memuaskan.

Adalah tidak benar untuk mengatakan Kerajaan memberi keistimewaan kepada MAS tetapi kurang kepada aktiviti pengangkutan yang lain. Memang menjadi hasrat Kerajaan untuk memaju dan mengemaskini segala aktiviti pengangkutan dengan tujuan memberi kemudahan kepada rakyat.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh masalah kelewatan membereskan beg-beg penumpang di Lapanganterbang Antarabangsa Subang, Jabatan Penerbangan Awam telah menyediakan sistem penyampaian beg (Baggage Delivery System) di kedua-dua balai tiba iaitu Balai Tiba Antarabangsa dan Balai Tiba Domestik.

Saya sedar memang terdapat masalah mengenai kelewatan membereskan beg-beg penumpang terutama sekali pada masa-masa yang sibuk di Balai Tiba Antarabangsa. Oleh kerana ini Jabatan Penerbangan Awam telah mengadakan satu lagi sistem penyampaian beg di Balai Tiba Antarabangsa pada Mac 1979 sebagai satu langkah jangka pendek untuk mengatasi masalah ini.

Suka saya menyatakan di sini bahawa dalam projek pembesaran Lapanganterbang Antarabangsa Subang yang dijangka siap pada akhir tahun 1983, kemudahan seperti sistem penyampaian beg akan ditambahkan untuk menyenangkan para penumpang.

Mengenai kesukaran untuk menaiki kapalterbang kerana kapalterbang terletak jauh dari balai berlepas, sukalah saya menyatakan dalam rancangan mempermodenkan Lapanganterbang Antarabangsa Subang, 7 "aero-bridges" akan dibina bagi keselesaan penumpang-penumpang masuk dan keluar dari kapalterbang. Mereka tidak perlu berjalan kaki atau menaiki bas, tidak kira hujan atau panas untuk menaiki dan turun dari kapalterbang. Projek ini dijangka siap pada akhir tahun 1983.

Berhubung dengan pemeriksaan pasport bagi penumpang-penumpang yang menaiki kapalterbang dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak ianya memang menjadi amalan kerana ianya didasarkan kepada Akta Imigresen (1963). Bagi penumpang-penumpang yang hendak membuat perjalanan di negeri-negeri dalam Semenanjung Malaysia ianya tidak dikenakan pemeriksaan pasport.

Berkenaan dengan tidak adanya "large freezers" untuk menyimpan buah-buahan yang diimport melalui Pelabuhan Kelang dari negeri China adalah disebabkan tidak ada "main importer" di Kuala Lumpur yang dapat memberi maklumat kepada LPK mengenai permintaan buah-buahan melaluinya.

Berhubung dengan kelewatan pembinaan Lapanganterbang Kuala Trengganu, sukalah saya menyatakan iaitu beberapa projek pembinaan telahpun siap seperti pembinaan "parking apron" baru untuk B 737 dan "taxiway" dan pembinaan balai bomba baru, cuma kelewatan pembinaan bangunan terminal baru dan rumah kakitangan kerana pihak kontraktor mengalami masalah kesukaran modal. Walau bagaimanapun, perkara ini telahpun dirundingkan dan pihak kontraktor telahpun diarah mengemukakan program kerja baru kepada JKR untuk meneruskan kerja-kerja pembinaan. Adalah dijangka kerja-kerja tersebut akan siap dalam bulan September, 1980.

Projek pembesaran landasan dan menguatkan landasan yang ada sekarang untuk pendaratan pesawat B 737 telahpun diluluskan pada bulan Ogos 1979 hasil daripada

semakan Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga. Tawaran tender dijangka akan dipanggil pada bulan April, 1980 dan projek ini dijangka siap pada penghujung tahun 1981 atau awal 1982.

Berhubung dengan sikap pemandu-pemandu teksi yang enggan mengambil penumpang pada waktu kesesakan dan menaikkan tambang, Jabatan Pengangkutan Jalan telah dan sedang mengambil tindakan. Sekiranya didapati benar kesalahannya, mereka akan dikenakan tindakan penggantungan Lesen Perkhidmatan Awamnya untuk tempoh tertentu.

Mengenai cadangan mengadakan Eksekutif Transport kepada pekerja-pekerja ke pejabat-pejabat, Kerajaan akan mengkaji perkara ini.

Mengenai cadangan supaya diadakan perkhidmatan keretapi ke Trengganu, saya menyatakan iaitu mengikut kajian Pengangkutan Awam/Keretapi seluruh Semenanjung Malaysia, adalah didapati pembinaan jalan-jalan keretapi antara Kuala Lumpur-Kuantan-Trengganu tidak memberi keuntungan memandangkan kepada kos pembinaannya adalah lebih besar daripada faedah atau pendapatan yang akan diperolehi dari segi ekonomi dan sosial. Di samping itu jalan-jalan yang baik telah dibina dengan banyaknya yang membolehkan kenderaan-kenderaan besar dapat digunakan. Kenderaan-kenderaan seperti lori yang besar akan dapat membawa barang-barang dengan banyak dan ekonomik. Kita hendaklah menyedari bahawa negara kita (Semenanjung Malaysia) bukanlah sebuah negara yang luas dan oleh itu tidak sesuai membina jalan keretapi di segenap penjuru; dan di samping itu pula kita membina jalan raya yang begitu banyak dan baik diseluruh negara.

Berhubung dengan syor supaya Keretapi Tanah Melayu mengadakan bilik-bilik sembahyang di dalam keretapi dari Kota Bharu ke Kuala Lumpur, adalah sukar bagi Keretapi Tanah Melayu hendak mengadakan kerana kekurangan koc-koc. Saya suka menyatakan memang ada disediakan tempat-tempat sembahyang di stesyen-stesyen besar seperti di Kuala Kerai, Gemas dan Kuala Lumpur.

Mengenai cadangan supaya pemandu-pemandu di kawasan bandar dikecualikan dari memakai tali pinggang keledar, sukalah

saya menyatakan bahawa pada masa sekarang Kementerian saya tidak bercadang mengecualikan pemakaian tali pinggang keledar di kawasan bandar.

Berhubung dengan teguran Yang Berhormat Tuan S. I. Rajah mengenai pembatalan penerbangan di lapanganterbang Ipoh, saya menjelaskan pada masa ini Lapanganterbang Ipoh tidak mempunyai alat-alat VOR dan DME yakni Distance Measuring Equipment dan ILS untuk membolehkan juruterbang mendarat di Lapanganterbang Ipoh pada malam hari ataupun dalam keadaan cuaca yang kurang baik. Lapanganterbang Ipoh terletak di dalam kawasan gunung-ganang dan oleh kerana itu s ringkali terdapat hujan dan kabus di kawasan lapanganterbang tersebut. Oleh kerana tidak adanya kelengkapan alat-alat tersebut di lapanganterbang Ipoh maka penerbangan di Ipoh hanya dihadkan pada siang hari dan dalam keadaan cuaca yang baik sahaja. Walau bagaimanapun, pertimbangan-pertimbangan sedang dibuat dan dikaji untuk memperbaiki keadaan ini dan jika kemungkinan untuk membolehkan lapanganterbang Ipoh akan diperlengkapkan.

Mengenai teguran Yang Berhormat Datuk Syed Hassan Aidid mengenai Lapanganterbang Pulau Pinang yang tidak digunakan sepenuhnya, sukalah saya menyatakan bahawa lapanganterbang Pulau Pinang diperbesar untuk melegakan kesesakan di bangunan terminal yang lama selaras dengan anggaran kadar pertambahan penumpang dan trafik. Oleh itu, kadar penggunaan lapanganterbang ini tidak seharusnya dilihat pada masa sekarang sahaja kerana ianya juga dibina untuk kegunaan di masa hadapan. Kementerian saya sentiasa memberi peluang kepada perkhidmatan chartered antarabangsa menggunakan lapanganterbang Pulau Pinang sebagai langkah menggalakkan penggunaan lapanganterbang tersebut dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah sahaja penjelasan yang dapat saya berikan di atas teguran-teguran yang telah disampaikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Kementerian ini. Dalam pada itu, saya mengakui bahawa sebarang cadangan yang mungkin

boleh jadi ketinggalan dalam masa saya memberikan jawapan kepada Dewan ini, pihak Kementerian ini akan mengambil perhatian dan akan memberikan pertimbangan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kementerian Pertanian.

5.03 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh mengenai perkara-perkara yang berkait dengan Kementerian Pertanian di dalam perbahasan dasar Belanjawan 1980 di Dewan yang mulia ini. Segala teguran dan cadangan yang diberikan itu akan diambil perhatian dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, penyelewengan sekim subsidi baja sering kali diperkatakan di Dewan yang mulia, ini. Saya ingin menjelaskan bahawa Kementerian Pertanian akan menyiasat perkara itu dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan sekeras-kerasnya terhadap mereka yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian sedang giat menjalankan berbagai-bagai projek untuk mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru istimewa dalam usaha meningkatkan lagi pendapatan petani-petani dan nelayan-nelayan serta mengeluarkan seberapa banyak bahan-bahan makanan untuk menampung keperluan negara dan eksport. Untuk mencapai matlamat ini beberapa projek pembangunan kawasan pertanian secara disatukan sedang dan akan dilaksanakan. Projek ini akan dikelolakan menerusi penyelarasan kegiatan-kegiatan agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian.

Lima buah projek sudah pun dimulakan iaitu:

- di Johor Barat;
- Kelantan Utara;
- Barat Laut, Selangor;
- Kerian, Sungai Manik; dan
- Pahang Barat.

Mulai tahun 1980 enam buah projek seumpama itu akan dilaksanakan iaitu di Negeri Sembilan Timor, Balik Pulau, Seberang Perai, Lembah Kedah iaitu bagi kawasan di luar daripada kawasan MADA sekarang, Rompin, Endau, Melaka dan Trengganu Hilir dengan perbelanjaan sebanyak \$71.761 juta. Rancangan-rancangan itu akan terus dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keempat dan kajian lanjut sedang dan akan terus dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping projek-projek itu Kementerian Pertanian juga sedang giat untuk memodenkan sektor pertanian di negara ini. Salah satu rancangan yang sedang dijalankan ialah menggalakkan kegunaan jentera di kalangan petani-petani. Dalam tahun 1978 dan dalam tahun 1979 sebanyak 337 buah trektor empat roda dan 172 jenis kenderaan empat roda telah dibekalkan sama ada kepada peladang-peladang secara percuma atau secara subsidi melalui Lembaga Pertubuhan Peladang. Pada tahun 1980 sebanyak 75 buah trektor, 9 buah mini trektor dua kuasakuda serta 30 jenis kenderaan empat roda akan lagi dibekalkan.

Pihak MADA dan KADA juga sedang giat memperkenalkan penggunaan jentera di kalangan petani-petani. Kementerian Pertanian sedang menimbangkan beberapa strategi untuk menggalakkan penggunaan jentera di kalangan petani-petani dengan cara-cara seperti berikut:

- (1) Menurun atau membatalkan kadar cukai beberapa jenis jentera dan alat-alat pertanian bagi menurun atau menahan kenaikan harganya agar petani-petani perseorangan atau kumpulan mampu memilikinya.
- (2) Dengan cara memperluaskan kemudahan kredit untuk membeli atau menukar alat-alat jentera pertanian sebagai galakan hakmilik.
- (3) Memperluaskan perkhidmatan jentera pertanian oleh Lembaga Pertubuhan Peladang dan Jabatan Pertanian di kawasan-kawasan yang tidak mendapat perkhidmatan jentera dari Koperasi Peladang atau kontrektor perkhidmatan jentera pertanian.

- (4) Memperluaskan kemudahan-kemudahan kredit untuk membayar sewa jentera perkhidmatan oleh Jabatan Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, memang terdapat jentera-jentera pertanian yang tidak sesuai di setengah-setengah kawasan yang tanahnya lembut. Untuk mengatasi masalah ini pihak MARDI dan MADA sedang mereka bentuk jentera yang lebih sesuai dengan kawasan-kawasan sawah di negara kita ini. Adalah diharapkan dari pencapaian usaha-usaha yang disebutkan tadi, masalah kekurangan tenaga pekerja di sawah-sawah akan dapat diatasi dan lebih banyak lagi tanah-tanah pertanian akan dapat diusahakan dengan jayanya.

Kementerian pertanian juga memainkan peranan utama memastikan supaya diadakan kemudahan-kemudahan asas untuk petani-petani dan nelayan-nelayan. Pada tahun hadapan Jabatan Parit dan Taliair di-untukkan sebanyak \$195.8 juta untuk menyediakan kemudahan-kemudahan perairan di kawasan seluas 984,000 ekar yang meliputi seluruh negara.

Kerajaan juga sedang menjalankan beberapa projek perparitan dan pencegahan banjir meliputi kawasan seluas 65,000 ekar. Untuk meninggikan lagi pendapatan kaum nelayan satu skim subsidi nelayan telah diadakan untuk membolehkan nelayan membeli bot, enjin dan pukut sendiri serta menggalakkan penggunaan bot-bot berjentera dan alat-alat kelengkapan yang lebih berkesan.

Di samping itu penternakan ikan akan terus mendapat subsidi seperti pembinaan kolam, peralatan-peralatan, belanja penyelenggaraan, sangkar dan benih-benih ikan. Untuk meninggikan lagi taraf sosio-ekonomi petani dan nelayan Kerajaan juga menggalakkan penubuhan koperasi-koperasi iaitu Koperasi-koperasi Peladang dan Koperasi-koperasi Nelayan dengan memberi modal pusingan kepada koperasi yang mempunyai projek-projek yang sesuai. Ternakan ikan air tawar dan air payau juga terus dipergiatkan.

Tuan Yang di-Pertua, di bidang ternakan pula, Jabatan Perkhidmatan Haiwan akan memajukan lagi 25 buah pusat mengumpul

susu dan mengembangkan rancangan ternakan ayam serta meluaskan perkhidmatan pernian beradas. Untuk memastikan kejayaan rancangan-rancangan tersebut, perkhidmatan kesihatan, perkhidmatan latihan dan nasihat dipergiatkan lagi. Penubuhan Pusat Permainan Beradas Kebangsaan dan Rancangan Kawalan Penyakit adalah bertujuan untuk meninggikan lagi mutu baka ternakan di negara kita ini di samping menjamin kesihatan ternakan-ternakan.

Pada tahun hadapan rancangan untuk membeli tidak kurang dari 10,000 ekor lembu-lembu baka baik dari luar negeri akan dijalankan untuk dipelihara dan diedarkan kepada penternak. Usaha-usaha mencegah dan menghapuskan penyakit ternakan akan dipergiatkan lagi dengan meningkatkan lagi keupayaan makmal-makmal diagnosa dalam pusat-pusat penyelidikan penyakit haiwan.

Di bidang perusahaan daging pula, MAJU-TERNAK akan menubuhkan 8 buah Unit Susu Commercial yang dijangkakan dapat mengeluarkan 1 juta gelen susu setahun. MAJUTERNAK juga sedang berusaha untuk memperbaiki sistem pemasaran lembu, daging dan ayam untuk menjamin bekalan mencukupi dengan harga yang berpatutan bagi memenuhi kehendak pasaran tempatan. Pada tahun hadapan juga satu cawangan di Sarawak dan satu di Kelantan akan diadakan untuk menjaga pengimportan lembu-lembu hidup dan pasaran-pasaran daging di negeri-negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian dan agensi-agensinya di bawahnya akan terus berusaha dengan giatnya untuk berkhidmat kepada petani dan nelayan dan berharap dengan projek-projek dan rancangan-rancangan yang disebutkan tadi, matlamat Dasar Ekonomi Baru akan dapat dicapai sebagaimana yang diharapkan.

Dalam hubungan ini Kementerian Pertanian sedang melaksanakan satu strategi di mana segala khidmat-khidmat pertanian yang disediakan oleh jabatan-jabatan dan agensi-agensinya di bawahnya akan disampaikan kepada kaum tani dengan secara integrated dan tidak lagi secara berasingan. Strategi adalah menjadi asas kepada rancangan Geraktani yang sedang dilaksanakan melalui Kompleks Geraktani di seluruh negara sekarang ini.

Pada ringkasnya rancangan Geraktani adalah bertujuan, antara lain-lain, untuk menjamin bahawa perancangan dan pelaksanaan pembangunan pertanian akan diberi perhatian yang lebih menyeluruh dan berdasarkan kepada satu-satu kawasan yang tertentu. Seterusnya Geraktani akan menyenangkan dan memudahkan lagi kaum tani mendapat keperluan khidmat Kerajaan dalam usaha-usaha pertanian mereka.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara lain yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat saya huraikan di sini satu persatu akan dikaji dan akan diteliti dan jika ianya sesuai akan dilaksanakan dengan sewajarnya.

Saya sekali lagi mengucapkan berbilang-banyak terima kasih di atas perhatian berat dan pandangan-pandangan, teguran-teguran yang telah dikemukakan dengan secara jujur oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bagi kebaikan bersama.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.

5.19 *ptg.*

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap menyentuh aktiviti-aktiviti di bawah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.

Yang Berhormat Senator Hajjah Salmah Sheikh Hussein telah menyeru supaya Kerajaan mengarahkan majikan-majikan terutama sekali pekilang-pekilang mengadakan kemudahan-kemudahan tempat sembahyang kepada pekerja-pekerja mereka yang beragama Islam. Sukacita saya memaklumkan bahawa terdapat banyak majikan-majikan yang telahpun menyediakan bilik sembahyang bagi pekerja-pekerja Islam di tempat-tempat pekerjaan mereka. Di samping itu pula sudah terdapat banyak perjanjian-perjanjian bersama di antara majikan dan Kesatuan-kesatuan Sekerja yang telahpun memperuntukan kemudahan-kemudahan ini.

Pada masa sekarang, pegawai-pegawai Kementerian saya sedang menggesa majikan-majikan supaya menggunakan budi-bicara mereka untuk mengadakan peraturan-peraturan bagi pekerja-pekerja beragama Islam

untuk menyenangkan mereka menunaikan kehendak-kehendak agama mereka. Adalah diharapkan dengan cara ini, kita akan dapat mengatasi masalah yang timbul dikebanyakan tempat-tempat pekerjaan dalam perkara ini.

Keduanya, Yang Berhormat Senator K. Kumaran telah meminta Kerajaan supaya mempergiatkan lagi skim memiliki rumah bagi pekerja-pekerja ladang dan lombong.

Ingin saya menyatakan bahawa Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah positif untuk menggesa majikan-majikan ladang dan lombong untuk menyertai skim memiliki rumah bagi pekerja-pekerja mereka dan setakat ini sambutan dari pihak majikan adalah menggalakkan. Perbincangan-perbincangan juga telah diadakan dengan Kerajaan Negeri dan sukacita dinyatakan di sini satu cara penyelarasan dan peraturan yang sesuai dengan hampir semua Kerajaan Negeri telah dapat diadakan.

Setakat ini sebanyak lebih kurang 450 rumah-rumah telahpun siap dibina di beberapa buah ladang di Kedah, Perak dan Selangor. Di samping itu seramai lebih daripada 50 orang lain tuan-tuan punya ladang dan lombong telahpun menjalankan langkah sesuai serta menunjukkan minat untuk menyertai skim ini. Ingin saya menegaskan bahawa usaha-usaha ini akan dipergiatkan lagi oleh Kementerian saya bersama-sama dengan Kementerian Perumahan dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri, bagi menentukan rancangan ini berjalan dengan licin. Masalah kewangan daripada Kementerian Perumahan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator K. Kumaran itu sedang juga diberi perhatian segera untuk mengatasi masalah-masalah yang masih ada.

Yang Berhormat Senator Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad telah meminta Kerajaan supaya membina sebuah Institut Latihan Perindustrian di Kuala Trengganu. Sukacita saya menyatakan bahawa Kementerian saya sudah pun mempunyai rancangan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga untuk membina sebuah Institut Latihan Perindustrian di Kuala Trengganu. Rancangan ini yang memakan belanja sebanyak \$4 juta akan dapat disiapkan pada tahun 1982. Institut ini apabila siap kelak akan dapat melatih seramai 330 peserta pada satu

masa, dan segala usaha-usaha sedang giat dijalankan pada masa ini juga untuk melatih pengajar-pengajar bagi Institut tersebut. Adalah diharap dengan terdirinya Institut ini kelak, ianya akan dapat menampung kekurangan tenaga mahir dan separuh mahir di sebelah Pantai Timur, Semenanjung Malaysia.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

5.23 *ptg.*

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan dan syor-syor yang membina di dalam perbincangan ucapan belanjawan 1980 dan di sini suka saya memberi jaminan iaitu Kementerian saya akan memberi pertimbangan kepada cadangan-cadangan dan teguran-teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, saya ingin mengulas mengenai beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan Yang Mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai ulasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak di mana beliau menggesa supaya pegawai-pegawai di Kementerian saya membuat kajian yang teliti sebelum membuat sesuatu keputusan ke atas sesuatu permohonan untuk menaikkan harga barang-barang keperluan, suka saya memberi jaminan di sini iaitu Kementerian saya akan hanya menimbangkan permohonan kenaikan harga yang mempunyai alasan-alasan yang menasabah, seperti kenaikan kos pengeluaran yang tidak dapat dielakkan. Dalam perkara ini, ingin saya menjelaskan iaitu Kementerian saya tidak boleh menolak permohonan untuk kenaikan harga sekiranya kos pengeluarannya telah meningkat. Sekiranya Kementerian berbuat demikian, ini akan merugikan kilang-kilang berkenaan dan dengan secara

langsung pengeluaran barang-barang tersebut akan terjejas; pengeluaran kilang berkenaan akan diberhentikan; dan pekerja-pekerja dalam kilang tersebut akan menganggur. Keadaan ini akan menyusahkan bukan sahaja kepada pengguna-pengguna akan tetapi juga kepada pekerja-pekerja kilang-kilang berkenaan.

Mengenai cadangan supaya pihak Kerajaan menggunakan hasil daripada penjualan minyak mentah negara kita untuk mengatasi kenaikan harga barang-barang keperluan dalam negara ini, suka saya memaklumkan iaitu sekiranya semua barang-barang perlu diberi subsidi dari hasil minyak negara kita, maka Kerajaan akan mengalami kekurangan wang untuk perbelanjaan pembangunan untuk rancangan-rancangan sosio-ekonomi. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pemberian subsidi ke atas barang-barang petroleum sudah meningkat kepada \$340 juta pada tahun ini dan berhubung dengan Lembaga Letrik Negara, kos kepada Kerajaan di dalam bentuk bantuan kewangan melalut penyertaan di dalam ikuti pengecualian cukai, perbelanjaan modal dan subsidi untuk kos pengendalian akan berjumlah sebanyak \$1,500 juta sehingga tahun 1984. Subsidi juga telah diberi untuk mempertahankan harga barangan keperluan, baja dan lain-lain.

Sebagai menjawab kepada ulasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak, supaya Kementerian memastikan kegiatan sorok tidak berlaku ke atas barang-barang keperluan seperti simen, diesel dan lain-lain lagi, perlulah dinyatakan di sini iaitu Kementerian saya sentiasa mempergiatkan pemeriksaan-pemeriksaan ke atas barang-barang keperluan dan untuk memberi satu jaminan yang positif bahawa kegiatan menyorok dapat dibasmikan sama sekali adalah satu perkara yang sukar. Ini adalah disebabkan barang-barang keperluan di negara ini adalah bergantung kepada bahan-bahan mentah yang diimport dari luar negeri yang mempunyai hubungan rapat dengan pergolakan antarabangsa. Dengan hal yang demikian selagi masalah di peringkat antarabangsa ujud, masalah bekalan barang-barang keperluan di negara ini akan merasa kesannya.

Mengenai ulasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein di mana beliau ingin mengetahui sebab-sebab mengapa terdapat kekurangan minyak diesel di negara ini, sukalah saya memaklumkan iaitu saya telah pun memberi jawapan yang panjang lebar semasa saya menjawab soalan Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim pada 12-12-1979 dan saya tidak ada apa-apa tambahan ke atas jawapan tersebut.

Mengeni ulasan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat tersebut iaitu mengapa Kementerian memerlukan agen-agen diesel memberi suatu rekod mengenai jumlah bekalan dan jualan diesel, sukalah saya maklumkan iaitu tujuan utama aturcara ini dikenakan ialah supaya dapat pihak Kementerian saya mengetahui sama ada bekalan yang akan diberikan kepada mana-mana pengguna, umpamanya, sebuah syarikat bas yang besar, akan mencukupi atau tidak setelah kajian dilakukan ke atas penggunaan sebenar yang dikehendaki oleh syarikat bas tersebut di dalam pengendalian perkhidmatan basnya. Di samping itu, Kementerian telah juga mengadakan peraturan supaya semua pengedar-pengedar minyak mengemukakan laporan sebulan sekali kepada Kementerian saya memberikan keterangan-keterangan ke atas bekalan yang diperbuat bagi bulan-bulan yang lalu. Dengan ini jumlah sebenar bekalan yang diberikan kepada mana-mana pihak akan dapat diketahui dan jika sekiranya terdapat mana-mana pengguna yang mendapat bekalan yang kurang, Kementerian saya bolehlah mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya dengan mengarah syarikat-syarikat minyak atau pengedar-pengedar berkenaan supaya memberikan bekalan yang mencukupi bagi kehendak-kehendak pengguna tersebut. Saya sedar iaitu terdapatnya masalah jumlah bekalan dan jualan diesel tidak sama kerana terdapat "evaporation" dan tumpahan semasa mengangkut dan menjual tetapi masalah ini adalah masalah kecil.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tindakan-tindakan yang saya sebutkan di atas, Kementerian saya percaya bahawa kegiatan-kegiatan menyorok akan berkurang dan di samping itu juga ingin saya menegaskan sekali lagi bahawa Kementerian saya sentiasa mengambil tindakan-tindakan yang tegas ke atas semua rupa bentuk penyelewengan

yang dilakukan bagi menentukan bahawa barang-barang keperluan di negara ini tidak disalahgunakan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga 30-11-1979 jumlah tindakan yang telah diambil di bawah Akta Kawalan Bekalan adalah sebanyak 587 kes dan jumlah denda yang telah dikenakan ke atas tindakan-tindakan yang telah diambil dan telah diselesaikan oleh Mahkamah ialah sebanyak \$380,510.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Senator Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin di mana beliau berharap pihak Kerajaan akan mempertingkatkan dan memperbaiki lagi perhubungan perdagangan di antara negara-negara ASEAN, sukalah saya memaklumkan iaitu negara-negara ASEAN termasuk Malaysia memang berusaha untuk meningkatkan lagi perhubungan perdagangan di kalangan negara-negara ASEAN. Salah satu usaha ke arah ini ialah dengan mengadakan Peraturan Perdagangan Istimewa ASEAN yang mula dilaksanakan pada 1-1-1978. Untuk mempercepatkan lagi pertukaran barang-barang di bawah Peraturan ini, Menteri-menteri Ekonomi ASEAN telah bersetuju supaya tiap-tiap negara memberi tawaran kepada sekurang-kurangnya 150 jenis barang pada tiap-tiap rundingan perdagangan yang diadakan 3 bulan sekali untuk impot yang melebihi US\$50,000. Bagi impot yang bernilai kurang daripada US\$50,000, barang-barang ini akan dimasukkan di bawah Peraturan Perdagangan Istimewa ASEAN secara organisasi tetapi tertakluk kepada syarat dan kadar keistimewaan yang akan dirundingkan. Sebagai tambahan kepada usaha-usaha yang dibuat melalui ASEAN, Malaysia juga bercadang untuk menghantar rombongan-rombongan perdagangan ke beberapa buah negara ASEAN serta mengadakan pameran-pameran perdagangan di negara-negara tersebut pada tahun 1980 dan tahun-tahun seterusnya.

Mengenai ulasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub mengenai kekurangan bekalan besi waja terutama sekali di Pantai Timur, sukalah saya menyatakan iaitu Kementerian saya sedar mengenai perkara tersebut dan telahpun mengambil beberapa langkah untuk mengatasi kekurangan besi yang berlaku sekarang. Ini termasuklah membenar syarikat-syarikat swasta untuk

mengimport besi bagi kegunaan projek-projek mereka sendiri dari luar negeri secara langsung. Selain daripada itu, Kerajaan melalui Perbendaharaan, dibenarkan mengimport batang-batang besi dari luar negeri untuk kegunaan projek-projek Kerajaan dan Kementerian saya telah mengarahkan kilang-kilang besi tempatan untuk membekalkan batang-batang besi bagi projek-projek Kerajaan di negeri Kelantan.

Mengenai ulasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak mengenai masalah yang dihadapi oleh Bumiputra untuk menjadi agen bagi berbagai barang, sukalah saya menyatakan di sini iaitu Kementerian saya sentiasa mengambil langkah-langkah yang sesuai bagi mempesatkan lagi penyertaan bumiputra dalam berbagai jenis perniagaan. Jenis-jenis perniagaan ini termasuklah kegiatan sebagai pengedar, wakil pengedar atau agen-agen berbagai perkhidmatan. Di samping itu Kementerian saya berusaha membantu peniaga-peniaga bumiputra mengatasi masalah-masalah mereka dengan tujuan bagi mengekalkan serta meninggikan paras penyertaan mereka dalam perniagaan. Usaha-usaha ini melibatkan kajian-kajian mengenai sistem-sistem pengedaran dan perlantikan syarikat-syarikat perkhidmatan yang dilakukan oleh berbagai syarikat besar di negara ini.

Hasil daripada tindakan Kementerian saya, syarikat swasta telah memberi banyak peluang-peluang perniagaan kepada bumiputra terutama di bidang pengedaran dan pembekalan perkhidmatan. Walaupun separuh daripada tempoh rangka rancangan jangka panjang (Outline perspective Plan) selama 20 tahun menjelang tahun 1980 telah berlalu, penyertaan bumiputra telah mencapai lebih daripada 15% sama ada dari segi bilangannya atau "volume" yang dikendalikan. Di antara bidang pengedaran barang-barang yang disertai oleh peniaga bumiputra ialah seperti pengedaran rokok, minyak tanah, gas, motokar, simen, besi dan besiwaja, cat, tayar motokar dan beberapa jenis kasut yang popular, pengurus pam minyak dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, saya memang sedar bahawa bagi beberapa jenis barang bilangan pengedar-pengedar bumiputra belum lagi memuaskan sungguhpun terdapat bilangan pengedar bumiputra yang menggalakkan bagi

beberapa jenis barang seperti yang dinyatakan di atas. Bagi syarikat-syarikat yang tertakluk kepada Akta Penyelarasan Perindustrian (ICA) mereka dikehendaki di antara lain melantik bumiputra bagi mengedarkan sekurang-kurangnya 30% daripada pengeluaran syarikat mereka.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak iaitu hanya syarikat-syarikat bumiputra besar sahaja yang dilantik sebagai agen bagi mengedarkan barang-barang seperti rokok dan alat-alat elektrik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk mendapatkan lantikan, sesebuah syarikat itu dikehendaki di antara lain pada biasanya mempunyai modal di antara \$100,000 hingga \$150,000 yang mana pada pendapat saya tidaklah merupakan modal yang besar. Terdapat juga di antara pengedar-pengedar rokok yang memulakan perniagaan sebagai peruncit dan meneruskan perniagaan ini setelah dilantik sebagai pengedar rokok.

Mengenai ulasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad di mana beliau telah menyentuh mengenai Jabatan Ugama Islam tidak mempunyai kuasa undang-undang untuk mengeluarkan "Sijil Halal" untuk membolehkan pengeluaran-pengeluaran meletak label "halal" pada barang-barang keluaran mereka dan sebaliknya Kementerian saya dikatakan mempunyai kuasa untuk mengeluarkan sijil tersebut walhal pegawai-pegawai di Kementerian saya tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam di dalam bidang ugama, sukalah saya menyatakan bahawa kenyataan Ahli Yang Berhormat tersebut adalah tidak benar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya dan juga Jabatan Ugama Islam tidak mempunyai kuasa undang-undang untuk mengeluarkan "Sijil Halal". Sebaliknya perkara ini adalah cara pentadbiran sahaja di mana Pejabat-pejabat Ugama Islam di negara ini mengeluarkan sijil halal kepada pengeluaran-pengeluaran. Kementerian saya hanya mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan undang-undang di bawah Akta Perihal Dagangan jika pengeluaran-pengeluaran yang berkenaan tidak mengikut Ugama Islam tetapi menggunakan label halal.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai ulasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Puan Rahmah Othman dan Yang Berhormat Senator S. Subramaniam di mana mereka mencadangkan supaya pihak Kerajaan memberi bantuan kepada persatuan-persatuan pengguna, sukalah saya memaklumkan iaitu Kementerian saya telahpun mengambil beberapa tindakan untuk memberi bantuan kepada persatuan-persatuan pengguna. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1979 bantuan kewangan berjumlah \$106,430 telah diperuntukkan kepada persatuan-persatuan pengguna berbanding dengan cuma \$23,000 dalam tahun 1978. Bantuan ini diberi berdasarkan kepada permohonan daripada persatuan pengguna berkenaan untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan persatuan mereka. Dalam meluluskan bantuan tersebut, pihak Kerajaan telah menimbangkan supaya tiap-tiap persatuan pengguna mengadakan sebuah pejabat dan kakitangan tetap supaya dapat menjalankan beberapa aktiviti yang telah dirancangan. Selain daripada bantuan kewangan Kementerian saya telah juga memberi khidmat-nasihat kepada persatuan-persatuan pengguna dari masa ke semasa bagi membantu perjalanan persatuan tersebut seperti menganjurkan seminar-seminar galakan pengguna di peringkat kawasan bertujuan untuk membangunkan gerakan pengguna di kawasan-kawasan tersebut. Kerajaan telah juga melantik perwakilan-perwakilan daripada persatuan-persatuan pengguna untuk menjadi ahli institusi Kerajaan yang ada kaitan dengan perlindungan pengguna seperti Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan dan Institut Piawaian dan Penyelidikan Malaysia (SIRIM) dengan tujuan untuk membolehkan wakil tersebut memberi sumbangan kepada usaha-usaha Kerajaan untuk meningkatkan lagi perlindungan bagi pengguna-pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran mengenai tugas-

tugas Kementerian saya. Sekiranya di dalam jawapan saya ini tidak sempat saya memberi ulasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan di Dewan yang mulia ini, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan silalah berhubung terus dengan saya supaya dapat perkara-perkara tersebut diberi pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kementerian Penerangan.

5.40 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, dalam masa perbincangan ucapan Belanjawan Dewan yang tamat pada hari semalam, sebagaimana juga halnya dengan perbincangan yang sama di Dewan Rakyat yang baru lalu, tidak banyak perkara berhubung dengan Kementerian Penerangan yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya menganggap ini sebagai satu pertanda yang baik yang menunjukkan bahawa orang ramai amnya dan Ahli-ahli Yang Berhormat khususnya adalah berpuashati dengan khidmat yang telah diberikan oleh Kementerian Penerangan setakat ini. Bagaimanapun, Kementerian ini akan terus memperbaiki lagi khidmat-khidmat yang diberikan kepada orang ramai sebagai memenuhi tanggungjawabnya untuk melaksanakan dasar-dasar dan matlamat-matlamat seperti yang telah ditetapkan.

Dalam hubungan ini, Kementerian saya sentiasa mengalu-alukan sebarang teguran yang membina, baik dari orang ramai dan khususnya dari Ahli-ahli Yang Berhormat bagi membantu Kementerian ini memperbaiki dan meningkatkan lagi mutu khidmatnya bagi faedah rakyat dan Negara.

Dalam perbincangan Belanjawan di Dewan Negara pada kali ini, hanya beberapa orang Ahli Yang Berhormat sahaja yang telah mengutarakan pendapat dan pandangannya berhubung dengan Kementerian Penerangan. Berikut ialah ulasan-ulasan yang dapat saya berikan terhadap pendapat dan pandangan ini.

Berhubung dengan saranan Yang Berhormat Senator T. S. Gabriel, perlu saya menarik perhatian beliau kepada satu kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat

Menteri Penerangan di dalam Dewan Rakyat pada 24-10-79 yang lalu mengenai perkara yang sama.

Sebagai termaklum, hasrat Kerajaan ialah supaya segala langkah yang diambil menerusi media massa Kerajaan, seperti radio dan talivisyen, hendaklah mencapai matlamat perpaduan di kalangan penduduk serta penyatuan segala komponen-komponen yang ada di negara ini. Di samping itu usaha tersebut hendaklah menghindar sesuatu perkembangan negatif yang boleh menghalang pencapaian matlamat perpaduan, sama ada penghalang itu berunsur perkauman atau yang memperjuangkan kepentingan kelompok ataupun untuk lain-lain kepentingan yang bercanggah dengan usaha mencapai matlamat negara.

Sambil itu media massa Kerajaan adalah juga dikehendaki memainkan peranannya secara positif dalam keadaan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, agama dan latarbelakang yang berlainan. Dengan hal yang demikian, RTM perlu menjadi alat perhubungan yang dinamis dengan bentuk siaran, serta kandungan rancangan-rancangannya mencerminkan keadaan bahawa Malaysia mempunyai identitinya sendiri menurut kehendak Perlembagaan, menurut prinsip-prinsip Rukunegara serta selaras dengan aspirasi rakyat dan negara.

Disebabkan oleh komposisi, latarbelakang dan pertaburan masyarakat, dengan aktiviti-aktiviti ekonomi, sebahagian daripada mereka masih lagi menurut kelompok-kelompok kaum masing-masing, maka RTM tidak dapat menyediakan rancangan-rancangannya menurut kehendak sesuatu kelompok atau kaum sebagai yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat itu, kerana cara ini sudah tentu tidak membantu pencapaian hasrat nasional untuk perpaduan abadi. Sebaliknya ia akan menyebabkan rakyat kita terus berpecah-belah mengikut kepentingan masing-masing dan dengan itu membahayakan negara. Oleh itu, rancangan-rancangan RTM mestilah berbentuk nasional, yang menjiwai dasar-dasar rancangan-rancangan nasional, serta menentukan sejauh mana rakyat dari berbagai kaum dapat memainkan peranan mereka, menjayakan dasar dan rancangan-rancangan tersebut yang telah disediakan untuk kebahagiaan mereka.

Memanglah disedari bahawa pihak penonton TV berkehendakkan rancangan-rancangan hiburan yang diminati oleh mereka. Sebagai Ahli Yang Berhormat sedia maklum, TV Malaysia ada menyiarkan rancangan-rancangan seperti itu. Tetapi, walau bagaimanapun caranya disusun rancangan yang berjenis-jenis itu, tentu sekali ada sebilangan penonton yang tidak mungkin berpuashati seratus peratus, oleh kerana susunan rancangan-rancangan serta kandungan rancangan-rancangan itu adalah untuk membuktikan hasrat dan tujuan negara, sebagai yang saya sebutkan tadi, serta diselaraskan di mana yang boleh kepada selera sebahagian besar penonton.

Dasar operasi TV Malaysia memang mempunyai objektif untuk menghibur, tetapi ini tidaklah diberi keutamaan seperti yang ditekankan ke atas bidang lain untuk menghubungi rakyat, menyedarkan mereka melaksanakan tanggungjawab, menjalinkan perpaduan dan hidup di dalam harmoni serta berusaha demi kemajuan dan keselamatan. Namun, rancangan-rancangan hiburan menjadi penting apakala ianya sengaja disusun ataupun mengandungi unsur-unsur perpaduan dan keselamatan. Dari penjelasan ini bolehlah difahamkan bahawa rancangan-rancangan hiburan yang berpunca dari luar negeri pun ada daya penariknya, tetapi unsur-unsur perpaduan itu lebih terdapat dan tersemat di dalam penerbitan-penerbitan rancangan hiburan tempatan.

Untuk membantu Kerajaan mencapai objektif perpaduan negara dan dasar-dasar nasional yang lain, usaha pihak RTM adalah membanyakkan rancangan-rancangan tempatan dan ini dilaksanakan secara beransur-ansur, selaras dengan perkembangan kepakaran, tenaga mahir, bekalan serta bermulanya kegunaan (commissioning) alat-alat siaran tertentu yang diperlukan oleh Jabatan Penyiaran. Menurut keadaan sekarang, perkembangan tersebut adalah menurut jadual dan jika tiada aral melintang, sasaran yang ditetapkan itu akan dapat dicapai. Butir-butir mengenai perancangan jabatan tersebut di bawah Rancangan Malaysia Ketiga telah dihuraikan dahulu dan tidaklah perlu bagi saya mengulanginya lagi.

Namun demikian adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk menerangkan kepada rakyat, khususnya penonton-penonton TV di negara ini, supaya mereka tidak

menggunakan rancangan-rancangan yang diterbitkan di negara-negara asing sebagai ukuran untuk membanding-rendahkan mutu penerbitan-penerbitan tempatan oleh TV Malaysia oleh kerana kriteria-kriteria mengenai penerbitan itu, dan rationale serta motivasi penerbitan itu adalah berbeza. Sebaliknya kita perlu menyedarkan mereka, demi perpaduan dan keselamatan negara, supaya meletakkan kepentingan negara lebih tinggi daripada kepentingan atau selera mereka sendiri, baik dari segi pilihan rancangan-rancangan hiburan atau lain-lain rancangan-rancangan.

Berhubung dengan teguran Yang Berhormat Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein yang mengatakan rancangan TV menunjukkan pakaian pelakun-pelakun yang kurang sopan dan ada yang berambut panjang, suka dijelaskan di sini bahawa RTM memang sentiasa mengambil perhatian terhadap perkara ini. Untuk rancangan-rancangan terbitan tempatan, peraturan-peraturan mengenai pakaian telahpun dibuat supaya pakaian-pakaian itu tidak bertentangan dengan nilai ketimuran masyarakat kita. RTM juga telah mengadakan peraturan mengenai rambut panjang dalam rancangan-rancangan penerbitannya. Dari masa ke semasa peraturan-peraturan ini telah dilaksanakan.

Berhubung dengan dakwaan yang mengatakan gambar Ahli-ahli Pembangkang jarang sekali disiarkan di TV, perkara ini adalah tidak benar. Gambar mereka ada juga disiarkan dalam TV dari masa ke semasa apabila ada perkara-perkara atau berita-berita yang disiarkan mengenai mereka. Misalnya dalam Laporan Parlimen bukan sahaja ucapan mereka di Parlimen disiarkan, tetapi juga gambar Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan.

Berhubung dengan saranan Yang Berhormat Tuan Abdul Razak bin Abu Samah supaya rangkaian Radio dan TV menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya, suka dijelaskan di sini bahawa tujuan utama Radio dan TV ialah untuk menyampaikan penerangan mengenai aktiviti-aktiviti Kerajaan dibuat di dalam dan di luar negeri kepada pendengar dan penonton-penontonnya.

Dasar Kementerian ialah walaupun penggunaan Bahasa Malaysia adalah diutamakan dan akan diperluaskan, bahasa-bahasa lain

yang digunakan di negara ini akan digunakan juga melalui Radio dan TV. Dasar ini dirasakan bijak dalam satu negara yang berbilang kaum seperti Malaysia.

Berhubung dengan filem-filem Melayu yang ditayangkan di TV terdiri dari filem-filem lama dan sering terputus-putus, suka dijelaskan di sini bahawa pada masa ini terdapat kekurangan filem-filem Melayu dan kerana itu RTM terpaksa menyiarkan filem-filem lama. Walau bagaimanapun, tindakan-tindakan mengatasi masalah ini memang sentiasa difikirkan dan dilaksanakan. Satu daripada cara mengatasinya ialah dengan mendapatkan filem-filem Indonesia untuk menampung kekurangan ini.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun ingin saya menerangkan bahawa pada masa ini "Job Number" untuk liputan TV bagi seluruh negara ditentukan dan diberikan oleh ibupejabat RTM di Angkasapuri, Kuala Lumpur. Stesyen-stesyen kawasan RTM hanya berkuasa memberikan "Job Number" bagi liputan TV dalam keadaan-keadaan kecemasan sahaja. Setakat ini sistem ini telah berjalan dengan baiknya dan Kementerian saya tidak bercadang membuat apa-apa perubahan terhadap sistem tersebut.

Mengenai rancangan gusti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Dasimah Dasir ingin saya menyatakan bahawa gusti merupakan salah satu permainan sukan. Sukan tersebut ditayangkan oleh TV oleh sebab menurut kajian yang dilaksanakan oleh Kementerian saya, rancangan gusti mendapat sambutan baik dari peminat-peminat sukan yang tertentu.

Tiap-tiap jenis sukan ada mengandungi unsur-unsur persahabatan atau "sporting spirit" tetapi adakalanya mengandungi unsur keganasan juga terutama jika peserta-peserta sukan tersebut hilang kesabaran atau "sporting spirit" mereka. RTM sentiasa meneliti supaya unsur-unsur keganasan sebagai dinyatakan itu ditayangkan.

Akhir sekali, mana-mana pandangan atau cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tetapi tidak diulas di sini, akan juga diberikan perhatian dan pertimbangan oleh Kementerian saya. Mana-mana cadangan yang difikirkan menasabah dan sesuai untuk dilaksanakan akan diterima.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan teguran-teguran ikhlas dan cadangan-cadangan yang membina, sekali lagi saya ucapkan terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

5.55 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih di atas pandangan-pandangan yang telahpun dikemukakan ke atas Kementerian saya di Dewan yang mulia ini dan dengan itu nyatalah ramai Ahli-ahli Yang Berhormat Senator-senator yang telahpun menunjukkan minat membawa ke perhatian saya terhadap beberapa perkara yang bersangkutan dengan Jabatan-jabatan di bawah Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman telah meminta supaya Kementerian saya menambah lagi bilangan Anggota-anggota Polis dan juga menaikkan lagi gaji mereka supaya setimpal dengan tanggungjawab yang dipikul pada masa ini. Dalam menjawab perkara ini sukalah saya menyatakan di sini, iaitu Kementerian saya memang sentiasa mengkaji keperluan menambah Anggota-anggota Polis dan pada masa inipun langkah-langkah pembesaran sedang dilaksanakan. Kementerian saya juga sememangnya berusaha melengkapkan Pasukan Polis dengan alat-alat kelengkapan yang moden sejajar dengan perkembangan Pasukan Polis. Tindakan yang diambil bagi melaksanakan cara berperingkat-peringkat sejajar dengan kehendak masa dan juga pergolakan keadaan. Sehingga kini Anggota Pasukan Polis telahpun dilengkapi dengan senjata-senjata moden dan juga peralatan persenjataan. Ini juga akan dikaji dari masa ke masa demi memperbaiki lagi jenis senjata yang digunakan itu.

Berkenaan dengan kenderaan pula memanglah ada rancangan yang dibuat untuk menggantikan kenderaan-kenderaan Polis yang sudah cukup umur atau yang cukup catuan bantuannya. Di samping itu, Kementerian saya memang bersedia ada rancangan mendapatkan kereta saloon dan

lori-lori tambahan untuk Jabatan Polis sejajar dengan perkembangannya juga. Dengan itu adalah tidak benar dakwaan dari Yang Berhormat Senator Dato Sulaiman Ninam Shah yang mengatakan bahawa Anggota-anggota Polis tidak diberi kelengkapan senjata dan juga kenderaan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, beralih pula kepada kenaikan gaji Anggota Polis, sepertimana Yang Berhormat Puan Hajjah Tom Saodah syorkan itu maka perlulah saya tegaskan di sini iaitu gaji Anggota-anggota Polis yang ada sekarang ini baru sahaja dilaksanakan skimnya, iaitu kira-kira 2 tahun yang lalu. Dengan itu saya berpendapat adalah terlalu awal gaji mereka itu dikaji semula.

Sebagai menjawab perkara yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato Sulaiman Ninam Shah mengenai elaun sebanyak \$2.50 sehari dan juga makanan yang kurang memuaskan diberi kepada Anggota-anggota Polis Merin semasa menjalankan operasi, inginlah saya menjelaskan bahawa Pegawai dan Anggota-anggota Merin adalah diberi elaun sebanyak \$3.50 sehari untuk Pegawai dan juga \$2.50 sehari bagi anggota berpangkat rendah. Selain daripada elaun harian itu mereka juga adalah diberi ration kering dan makanan-makanan dalam tin (canned food), samalah juga sepertimana yang dibekalkan kepada Anggota Pasukan Polis Hutan.

Sebagai maklumat tambahan kepada Yang Berhormat berkenaan dengan anggota-anggota Polis Marin yang menjalankan tugas operasi mereka itu, kebiasaannya tugas operasi mereka itu tidaklah melebihi masa 24 jam di laut. Hal ini adalah berlainan sekali dengan Tentera Laut yang ada kalanya berkhidmat lebih daripada 24 jam sehingga seminggu atau sebagainya. Anggota-anggota Polis Marin itu akan balik ke pengkalan masing-masing selepas 24 jam, maka dengan kerana itu sepatutnyalah mereka itu mencukupi ataupun tidak menjemukan dengan pemberian ration kering yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai lanun-
lanun di perairan Trengganu sebagaimana yang telahpun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad yang meminta Kementerian saya mengadakan bot-bot dan juga

kapal-kapal terbang rondaan untuk mengawasi kawasan tersebut, maka perlulah saya maklumkan lagi bahawa sehingga bulan November, 1979 tidak ada kegiatan lanun yang dilaporkan berlaku di perairan Trengganu itu. Walaupun demikian, pihak Polis Marin yang berpangkalan di Kuala Trengganu telah mengambil tindakan terhadap nelayan-nelayan asing yang menceroboh masuk ke dalam perairan Trengganu.

Misalnya sebagai contoh, dalam tahun 1978 sebanyak 3 kes pencerobohan dan dalam tahun 1979 pula sebanyak 4 kes pencerobohan nelayan-nelayan asing telahpun diambil tindakan. Juga rancangan sedang diambil untuk mewujudkan satu Pengkalan Marin (Marine Base) yang baru di Trengganu iaitu di Kemaman.

Selain daripada yang telah saya nyatakan tadi pengawasan dari udara juga akan dilaksanakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator itu, pihak Polis baru sahaja menerima dua buah kapalterbang daripada empat buah yang telahpun dipesan itu dan sebaik sahaja segala persiapannya maka ia akan digunakan untuk tugas-tugas meronda di seluruh pantai perairan negara kita ini termasuklah di Pantai Timur.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Dr Wee Khoo Hock juga telah menyuarakan dan meminta supaya Tarian Singa diadakan tanpa apa-apa sekatan khasnya pada hari Tahun Baru Cina.

Di dalam perkara ini, sukalah saya memberitahu Dewan ini iaitu mengenai Tarian Singa, sekatan yang dikenakan ialah berkaitan dengan mengadakan perarakan dan sekatan ini adalah perlu bagi memelihara ketenteraman awam supaya perarakan seumpama itu tidak mudah disalahgunakan oleh anasir-anasir yang telah bertanggungjawab seperti mana pertubuhan-pertubuhan kongsi-kongsi gelap ataupun gengster. Oleh itu Kementerian saya berpendapat kalaulah mustahak, sekatan itu diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan daripada Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein berkenaan dengan pengeluaran lesen-lesen senjatapi terutamanya senjata-senjata kecil ataupun pistol supaya berhati-hati dari segi pengeluaran lesen itu.

Kementerian saya akan mengambil ingatan ke atas perkara yang tersebut. Bagaimanapun untuk penerangan, Kementerian saya sememangnya sangat berhati-hati dalam meluluskan pemberian lesen senjatapi ini dan hanya akan dikeluarkan kepada mereka yang benar-benar perlu telah diteliti, ditapis sehalus-halusnya mengikut merit tiap-tiap permohonan itu.

Kemungkinan besar penyalahgunaan senjatapi sepertimana yang disebutkan itu berlaku dan pada mereka yang memperolehi secara haram, tindakan undang-undang yang setimpal akan diambil ke atas mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab teguran dari Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Haji Ibrahim bin Haji Yaacob, maka sukalah saya menyatakan lagi sekali bahawa pemindahan pejabat untuk pengeluaran Pasport Malaysia Terhad ke bangunan Wisma Pahlawan adalah sebagai salah satu usaha Jabatan Imigresen bagi mengurangkan kesesakan di bangunan Ibupejabat Imigresen iaitu di Jalan Tugu pada masa ini di samping memberi kemudahan kepada orang-orang awam yang memohon Pasport Malaysia Terhad.

Daripada tinjauan yang dibuat baru-baru ini adalah didapati bahawa permohonan orang ramai setiap hari telah dapat diselesaikan dengan lebih awal daripada yang dijangkakan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator itu dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Jabatan Imigresen masih terus berusaha untuk mendapatkan tempat yang lain bagi membuka pejabat-pejabat tambahan pengeluaran Pasport Malaysia Terhad dan untuk jangka masa panjang, Jabatan Imigresen akan mempunyai ibu pejabat baru yang tersendiri iaitu di Jalan Shaw berhadapan dengan Penjara Pudu sekarang ini iaitu pejabat yang berseendirian 12 tingkat.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira Yang Berhormat Senator V. V. Aboo adalah kurang pasti tentang persoalan yang telahpun dibangkitkannya itu iaitu tidaklah benar sama sekali dakwaan Ahli Yang Berhormat itu yang mana menyatakan bahawa pemberian taraf kewanganegara kepada warganegara asing yang berkahwin dengan warganegara Malaysia dan menetap di negeri ini berasaskan ataupun berlandaskan kepada keturunan dan asal tempat tinggal mereka.

Suka saya menegaskan di sini bahawa pemberian taraf kewarganegaraan kepada seseorang itu adalah dipertimbangkan mengikut merit sesuatu kes dan ianya adalah tidak keluar dari peruntukan-peruntukan dalam Perlembagaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Fadzil bin Haji Ahmad iaitu mengenai pengaruh-pengaruh yang tidak sihat yang banyak terdapat dalam filem-filem, di siaran-siaran TV dan juga di siaran-siaran wayang gambar, maka sukacitalah saya menegaskan bahawa memanglah tugas Lembaga Penapis Filem mengambil perhatian yang berat terhadap semua filem-filem yang disiarkan kecuali filem keluaran Kerajaan Malaysia sendiri.

Dalam penapisan ini babak-babak keganasan, jenayah dan seks yang didapati dalam filem-filem memang dipotong sebelum dibenar ditayangkan kepada ramai, dan tidak sedikit pula filem-filem yang didapati tidak sesuai dan keterlaluan itu telah pun diharamkan siarannya sama sekali. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tahun 1979 ini sehingga bulan Oktober sebanyak 113 filem telah diharamkan dan sebanyak 1,211 filem telah dipotong ataupun censored sebelum dibenar ditayangkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja jawapan-jawapan saya terhadap teguran-teguran beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator di dalam perbahasan Ucapan Belanjawan ini yang saya dapat berikan di dalam Dewan ini. Sekiranya ada perkara-perkara yang lain yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak sempat saya menjawab atas teguran mereka, maka semua perkara-perkara itu akan diambil perhatian oleh Kementerian saya. Sekian, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

6.12 ptg.

Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan atau teguran mengenai dengan Kementerian saya dalam perbahasan dasar Belanjawan ini.

Dua orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan soal penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam pentadbiran negara dan perundangan, terutamanya dalam Mahkamah. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub berkehendakkan langkah-langkah tegas diambil bagi mengimplementasikan kegunaan Bahasa Kebangsaan dalam Mahkamah-mahkamah; dan beliau berharap tujuan ini dapat dicapai pada tahun hadapan.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mahmoud *alias* Mahmoud Salim bin Haji Mohamed pula berkehendakkan tindakan diambil sekarang juga bagi menggunakan Bahasa Kebangsaan dalam Mahkamah-mahkamah walaupun peristilahan penuh dalam Bahasa Kebangsaan belum ada lagi. Di sini suka saya menyatakan bahawa Kerajaan adalah tegas dalam tujuannya bagi menggunakan Bahasa Kebangsaan dalam segala aspek pentadbiran negara termasuk bidang perundangan (*Tepuk*). Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa sebab mengapa Bahasa Kebangsaan masih belum diamalkan sepenuhnya dalam bidang tersebut.

Dalam Mahkamah peruntukan Seksyen (8) Akta Bahasa Kebangsaan (1963)/(1967) menetapkan Bahasa Kebangsaan atau bahasa Inggeris sebagai bahasa perbicaraan kecuali keterangan yang diberi oleh seseorang saksi. Ini adalah wajar oleh kerana jika saksi itu dipaksa menggunakan Bahasa Kebangsaan atau apa jua bahasa lain dan dia tidak fasih dalam bahasa itu maka sudah tentu keterangan yang diberinya tidak akan jelas dan tepat dan ini akan menjejaskan pencapaian keadilan dalam perbicaraan itu. Amalan ini juga dipraktikkan di negara-negara lain yang mempunyai bahasa kebangsaan mereka sendiri di mana Jurubahasa digunakan bagi menterjemahkan keterangan saksi itu dalam bahasa mahkamah.

Selain daripada itu, kita menghadapi masalah dalam menterjemahkan bahasa undang-undang atau legal language. Apabila sesuatu terjemahan dibuat dari bahasa Inggeris dan ianya tidak menepati maksudnya maka perbicaraan itu dianggap tidak adil dan tidak sah.

Begitu juga bahan undang-undang dan segala punca undang-undang ataupun sources of law dan asal-usulnya bertulis dalam

bahasa Inggeris. Untuk terjemahan kenalah kita mengambil masa sedikit kerana perkara-perkara itu dijadikan duluan atau precedent.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Untuk penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak bertanya boleh atau tidak, bahasa Inggeris itu terus sahaja dipakai—bahasa Inggeris yang teknikal itu terus sahaja dipakai dan tidak payah diterjemahkan lagi?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, mana yang sesuai itu boleh. Mengenai bahan-bahan undang-undang dalam Bahasa Kebangsaan yang ada hanyalah semata-mata undang-undang mengenai kuasa Kerajaan. Tetapi undang-undang yang besar yang ada kaitannya dengan hak-hak rakyat masih lagi dalam bahasa Inggeris. Begitu juga commentaries bagi undang-undang sekarang masih lagi dalam bahasa Inggeris. Satu lagi masalah mengenai penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam Mahkamah ialah kekurangan buku undang-undang yang ditulis dalam bahasa itu. Oleh yang demikian, kita memerlukan ramai peguam-peguam mempunyai minat mengarang buku-buku undang-undang dalam Bahasa Kebangsaan. Karangan dalam bahasa Inggeris pun sukar didapati oleh peguam-peguam kita. Itu disebabkan mungkin kebanyakan peguam-peguam tempatan menumpukan masa mereka dalam bidang guaman masing-masing daripada menerbitkan buku-buku undang-undang. Namun demikian, beberapa langkah tertentu telah diambil untuk menentukan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam Mahkamah.

Antaranya sejak tahun 1968 semua undang-undang adalah dibuat dalam Bahasa Kebangsaan dan bahasa Inggeris dan hampir kesemuanya naskhah Bahasa Kebangsaan Undang-undang ini dijadikan naskhah sah atau dalam bahasa Inggeris authoritative text. Di Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya pula penuntut-penuntut adalah dikehendaki menguasai Bahasa Kebangsaan dan bahasa Inggeris. Dan bagi tahun akademik 1978/1979 ini semua kuliah dijalankan dalam Bahasa Kebangsaan. Kita sama-sama berharap apabila siswazah-siswazah ini lulus kelak, mereka akan sama-sama berikhtiar mengembangkan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam profession mereka.

Dari segi pentadbiran pula Jabatan Kehakiman sejak tahun 1970 telah mengeluarkan arahan kepada Yang di-Pertua Mahkamah Sesyen dan Majistret Mahkamah Rendah supaya mereka menggunakan Bahasa Kebangsaan dalam tiap-tiap perbicaraan dalam Mahkamah masing-masing, setakat mana yang dapat tanpa mengganggu perjalanan perbicaraan itu. Arahan ini sudahpun dipatuhi.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan terus berikhtiar ke arah penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam Mahkamah dengan sepenuhnya. Bagaimanapun untuk beberapa ketika penggunaan Bahasa Kebangsaan di Mahkamah terkenal dilakukan secara berperingkat-peringkat. Bagi melaksanakan dasar Kerajaan mengenai penggunaan Bahasa Kebangsaan dengan sepenuhnya dan dengan secepat mungkin dalam Mahkamah, Kementerian Undang-undang akan menubuhkan suatu Jawatankuasa Khas bagi mencari jalan untuk mencapai tujuan yang dikehendaki itu. Di atas perkara-perkara lain yang tidak saya menjawab satu persatu saya suka menyatakan di sini bahawa kita akan mengambil perhatian.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

6.20 ptg.

Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato Sulaiman Ninam Shah dan Yang Berhormat Senator Rahmah Othman telah menyeru supaya diperbanyakkan lagi rancangan-rancangan kemajuan tanah di negara ini seperti yang dijalankan oleh FELDA sekarang dan mengutamakan penempatan lebih ramai belia dan beliawanis yang belum mendirikan rumahtangga. Memanglah menjadi dasar Kerajaan untuk membuka rancangan-rancangan kemajuan tanah dengan lebih banyak lagi dari semasa ke semasa bagi menempatkan mereka yang tidak bertanah di samping memesatkan lagi pembangunan ekonomi negara. Ini dilakukan oleh agensi seperti FELDA.

FELCRA pula telah juga membuka rancangan-rancangan tanah belia dan usaha ini akan diteruskan dengan pesatnya dalam Rancangan Malaysia Keempat. Rancangan-rancangan tanah untuk belia juga dijalankan

oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan setakat ini Kerajaan berpuashati dengan penyertaan kaum belia dalam bidang ini. Walau bagaimanapun kajian terus dijalankan untuk meluaskan lagi kegiatan dari masa ke semasa.

Mengenai kelambatan memproses permohonan tanah di Pejabat Tanah, Temerloh sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator V. V. Aboo, Kementerian saya malah saya sendiri memang banyak menerima surat-surat rayuan mengenai masalah-masalah tanah dari rakyat. Tiap-tiap surat rayuan yang saya terima dilayan dengan sepenuhnya dan tindakan-tindakan yang difikirkan sesuai dan menasabah di dalam bidangkuasa yang ada pada Kementerian diambil bagi menolong menyelesaikan masalah yang dikemukakan.

Masalah kelewatan memproses permohonan tanah sebagaimana yang berlaku di daerah Temerloh sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat termasuklah dalam kategori masalah-masalah yang diterima oleh Kementerian saya. Oleh kerana kuasa di bidang pentadbiran tanah adalah pada Kerajaan Negeri tetapi pihak Kementerian bolehlah meminta jasa baik Kerajaan Negeri supaya keputusan diberi secepat mungkin untuk meluluskan atau menolak permohonan itu.

Saya sangat setuju dengan cadangan Yang Berhormat Senator Abdullah Salleh supaya Kanun Tanah Negara, 1965 sentiasa disemak dan disesuaikan dengan kehendak semasa demi melindungi hak-hak rakyat yang bergantung kepada tanah. Untuk maklumat Yang Berhormat, tindakan ini sentiasa dibuat oleh pihak pentadbiran tanah.

Untuk tujuan ini Perlembagaan negara kita memperuntukkan bahawa satu Majlis Tanah Negara ditubuhkan bagi mengadakan polisi dan dasar mengenai penggunaan tanah termasuk juga tanah lombong dan kawasan hutan simpan. Keanggotaan Majlis ini adalah terdiri daripada Menteri-menteri Kerajaan Persekutuan dan semua Menteri Besar dan Ketua Menteri dan Majlis ini dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Permohonan untuk mengadakan dasar mengenai penggunaan tanah yang diterima daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dibincangkan di Majlis ini untuk diputuskan.

Mengenai penyemakan Kanun Tanah Negara, segala usaha yang telah dan akan dibuat adalah ditimbangkan terlebih dahulu oleh Majlis ini sebelum dikemukakan kepada Parlimen untuk diluluskan. Ketua Pengarah Tanah dan Galian sedang mengambil tindakan positif dengan kerjasama Pengarah-pengarah Tanah dan Galian negeri-negeri untuk menyemak Kanun Tanah Negara secara keseluruhannya bukan sahaja untuk disesuaikan dengan kehendak semasa tetapi juga untuk mengaitkannya dengan objektif Dasar Ekonomi Baru.

Cadangan Ahli Yang Berhormat supaya hak tiap-tiap tuan tanah ditentukan sempadan dan keluasan dan dikeluarkan geran hak masing-masing telah ada diperuntukkan di dalam Kanun Tanah Negara, 1965. Jika satu keping tanah dimiliki bersama oleh lebih daripada seorang, peruntukan di bawah Seksyen 140 Kanun Tanah Negara boleh digunakan oleh tuan-tuan tanah tersebut bagi memohon hak berasingan kepada pihak Pemungut Hasil Tanah jika tanah berkaitan didaftarkan di Pejabat Tanah dan kepada Pesuruhjaya Tanah Negeri jika tanah berkaitan didaftarkan di Pejabat Pendaftar Hakmilik Negeri. Tindakan ini dinamakan Pecah-bahagian (Partition). Di bawah tindakan Pecah-bahagian ini setiap tuan tanah akan memiliki hakmiliknya, ditunjukkan sempadan dan keluasan milik masing-masing.

Walaupun bagaimanapun bagi tanah pertanian tindakan Pecah-bahagian ini tidak boleh dipertimbangkan di bawah undang-undang yang ada sekarang ini jika tindakan Pecah-bahagian akan mengakibatkan keluasan milik bagi seorang tuan tanah itu akan menjadi kurang daripada 1 ekar. Dasar ini diadakan untuk menentukan keluasan yang ekonomik bagi setiap satu keping tanah pertanian.

Syor supaya dibatalkan hakmilik tanah hanya untuk warganegara pernah dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini dan juga telah dipertimbangkan sedalam-dalamnya oleh Kerajaan. Adalah didapati masanya belumlah tiba untuk melaksanakan perkara ini. Negara kita masih bergantung kepada pelaburan asing untuk menjayakan usaha-usaha perindustrian untuk menjayakan seterusnya Dasar Ekonomi Baru.

Perkara memberi keutamaan kepada pemilik tanah TOL dalam pemilihan pemberian tanah Kerajaan adalah menyentuh dasar Kerajaan Negeri mengenai pertimbangan sama ada hakmilik tanah atau geran akan dikeluarkan bagi tanah-tanah dipegang oleh pengusaha di bawah lesen TOL. Untuk makluman Yang Berhormat, ada negeri-negeri yang memberikan pertimbangan khas kepada tanah-tanah tersebut untuk diberikan geran dengan syarat bahawa tanah tersebut telahpun lama diusahakan di bawah Lesen Tumpangan Sementara dan juga apabila didapati tanah-tanah tersebut diusahakan dengan baik dan sepenuhnya.

Dalam hubungan ini faktor utama bagi menentukan sama ada geran boleh dikeluarkan bagi tanah tersebut adalah dari segi perancangan kawasan di mana tanah tersebut terletak, sama ada tanah itu diperlukan untuk projek-projek kepentingan awam. Sewaktu menimbangkan pemberian bagi tanah-tanah pemegang Lesen Tumpangan Sementara yang ada mengusahakan tanah dan memohon untuk mendapatkan geran bagi tanah-tanah yang diusahakan itu adalah diberikan keutamaan.

Semua pendapat dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga mendapat perhatian pihak Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Saya bagi pihak Kementerian mengucapkan ribuan terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

6.28 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan beberapa teguran dan pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan, 1980 yang menyentuh Kementerian saya iaitu Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato Haji Ibrahim bin Haji Yaacob yang telah membangkitkan masalah penduduk-penduduk di Batu Caves berhubung dengan kuari yang sedang diusahakan di kawasan itu. Ingin saya memberi penjelasan yang tindakan-tindakan di bawah Peraturan-peraturan

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.